Dan sebagai tambahan, dicadangkan juga agar diwujudkan skim-skim bantuan khas kepada KMKK yang telah tamat tempoh perkhidmatannya, sekurang-kurangnya selepas tamat perkhidmatan golongan ini tidaklah hilang 100% sumber pendapatannya dan sebagai penghargaan juga atas khidmat bakti yang telah mereka curahkan selama dalam perkhidmatan sebagai KMKK.

Pembangunan Sukan

Tuan Speaker, tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam memastikan Sarawak menjadi juara keseluruhan untuk SUKMA dan Para SUKMA Ke-21 yang baru diadakan baru-baru ini. Ini adalah kejayaan berganda yang kita peroleh hasil daripada komitmen tinggi Kerajaan Sarawak dalam memastikan dua temasya sukan berprestij di Malaysia ini dapat dilaksanakan dengan jayanya di Bumi Kenyalang ini.

Mukah merupakan salah satu daripada sembilan *venue* untuk SUKMA Sarawak 2024. Bola sepak, bola jaring dan judo adalah tiga acara sukan yang dipertandingkan di Mukah yang mana sukan bola sepak menjadi tumpuan utama walaupun kita tidak mendapat pingat daripada sukan berkenaan. Namun, sokongan padu dan minat daripada penduduk sekitar sentiasa memenuhi *venue* pertandingan sehinggalah ke perlawanan akhir.

Selari dengan keperluan dan penglibatan aktif rakyat di sekitar Mukah berkaitan dengan pelbagai jenis sukan yang ada, sudah tentu kemudahan-kemudahan sukan yang lengkap amatlah diperlukan. Dalam Majlis Pemimpin Bersama Rakyat yang dihadiri oleh YAB Premier pada 13 Ogos 2024 bertempat di Kingwood Resort Mukah, YAB Premier telah bersetuju secara prinsipnya untuk merealisasikan cadangan pembangunan Stadium Mukah Fasa 2 yang melibatkan pembinaan *indoor stadium*, padang hoki, kolam renang dan gimnasium. Oleh itu, saya memohon agar tindakan lanjut berkaitan cadangan projek ini dapat dilaksanakan segera oleh agensi berkaitan.

Bola Sepak Sarawak

Tuan Speaker, saya senada dengan Serembu bahawa zaman kegemilangan sukan bola sepak Sarawak haruslah dikembalikan. "*Small Club with a big heart*" Kuching City FC membawa identiti yang tersendiri di pentas tertinggi Liga Super Malaysia. Tahniah kepada KCFC atas pencapaian yang sangat membanggakan. Apa yang dicapai ketika ini bukanlah datang dengan mudah, dan sudah pasti memerlukan komitmen, usaha yang kuat dan pengorbanan yang tinggi.

Oleh itu, dicadangkan agar Kerajaan Sarawak turut memberi sokongan penuh kepada KCFC dalam memastikan pasukan ini melangkah lebih jauh sehingga ke peringkat Asia. Kita letakkanlah kepercayaan kepada KCFC untuk membawa nama Sarawak di peringkat yang lebih tinggi berbanding kita menyediakan menghantar satu lagi pasukan yang mewakili Sarawak.

Manakala Persatuan Bola Sepak Sarawak bolehlah terus fokus kepada agenda pembangunan bersama pihak SSC dan MSN, di samping, penganjuran kursus berkaitan kejurulatihan, kepengadilan dan penganjuran liga tempatan di pelbagai peringkat umur untuk menghasilkan pemain-pemain pelapis yang berkualiti untuk bermain bersama Kuching City pada masa akan datang. Dan sudah pasti program-program ini amatlah memerlukan sokongan dana daripada pihak kerajaan. Bantulah FAS dan semua Persatuan Bola Sepak Bahagian dalam usaha pembangunan bola sepak Sarawak yang lebih komprehensif.

Tidak dinafikan program-program pembangunan telah pun dilaksanakan dengan baik oleh pihak kerajaan melalui Persatuan Bola Sepak Sarawak, MSN dan SSC. Namun usaha serta tindakan yang lebih drastik perlu diambil untuk menjadikan Sarawak kembali digeruni di arena bola sepak kebangsaan. Kita mempunyai ramai pakar-pakar bola sepak tempatan yang berpengalaman luas seperti Jalil Ramli, Pengiran Bala serta jurulatih yang berkelayakan tinggi seperti Safri Amit dan Mohd Hakimi Man yang boleh kita kerahkan ilmu dan pengalaman mereka untuk membantu Sarawak dalam memartabatkan bola sepak Sarawak.

Isu Penyalahgunaan Dadah dan Substans dan Masalah Judi Online

Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimanakah Kerajaan Sarawak mengawasi serta mengawal aktiviti penyalahgunaan dadah dan judi *online* yang semakin merisaukan ketika ini dan apakah terdapat undang-undang baharu yang dirancang untuk menangani masalah ini di Sarawak?

Saya mencadangkan agar Kerajaan Sarawak memberi sokongan dana melalui saluran yang tepat kepada pihak bertanggungjawab selain daripada OAC dan *One Stop Committee*, kelab boleh menyalurkan juga kepada Agensi Antidadah Kebangsaan atau NGO berkaitan antidadah seperti Skuad Antidadah Sarawak untuk melaksanakan program-program pencegahan, pendidikan dan kesedaran di peringkat akar umbi. Kalau nak diharapkan peruntukan tahunan daripada pihak KDN kepada AADK adalah sangat tidak seimbang berbanding tanggungjawab pelaksanaan program AADK di Wilayah Sarawak yang sangat luas ini.

Di Sarawak, hanya Bahagian Kapit sahaja yang belum ada Pejabat AADK, dan kita harap pihak KDN akan mewujudkan pejabat AADK di Kapit dalam masa terdekat. Selain dari sudut penguatkuasaan undang-undang melalui PDRM kes penyalahgunaan dadah dan judi *online* ini, program-program pendidikan dan kesedaran dari peringkat awal adalah sangat penting sebagai kaedah penyelesaian jangka masa panjang.

Isu Hakisan Sungai di Sepanjang Sungai Tellian

Tuan Speaker, tebingan Sungai Tellian yang terhakis di beberapa kawasan pasti akan menjejaskan rumah-rumah penduduk kampung yang kebanyakannya didirikan di tebingan sungai berkenaan. Situasi yang sama berlaku di Sungai Penet, Sungai Judan, Batang Mukah di kawasan Nanga Sikat dan Lubok Bemban yang terdapat penempatan rumah panjang serta sekolah.

Memandangkan lawatan menyusuri sungai berkenaan telah diadakan oleh pihak Pejabat Residen, Pejabat Daerah dan Pejabat DID Mukah sebelum ini, saya mohon tindakan susulan diambil untuk mengatasi masalah berkenaan.

Pesta Kaul Mukah dan Regatta Mukah adalah dua program berskala besar yang diadakan di Mukah sejak sekian lama. Terima kasih kepada pihak Kementerian Pelancongan Sarawak atas sokongan dana tahunan yang disalurkan untuk menjayakan acara-acara berkenaan. Sehubungan

itu, saya memohon agar peruntukan tahunan untuk dua acara ini ditambah jumlahnya selari dengan ROI yang diperolehi.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Sarawak atas usaha untuk mewujudkan Mukah Digital Innovation Hub yang dikendalikan oleh SDEC di Mukah. Ia akan dibuka tidak lama lagi.

Saya senada juga dengan Kalaka dan Machan yang mencadangkan kenaikan peruntukan RTP kepada jumlah yang lebih besar berbanding RM5 juta yang diperuntukkan ketika ini. Ini adalah demi memastikan pembangunan di setiap kawasan DUN akan dapat dilaksanakan dengan lancar terutamanya bagi kawasan DUN luar bandar.

Saya juga setuju dengan Meradong dan Opar yang menyatakan cadangan untuk melanjutkan bilangan hari persidangan pada masa akan datang terutamanya penambahan bagi sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan-jawapan lisan agar lebih banyak soalan yang dikemukakan dapat dijawab setiap kali persidangan dilakukan.

Tuan Speaker, Bajet Sarawak 2025 merupakan satu pelan komprehensif yang mengambil kira keperluan semua lapisan masyarakat daripada setiap lapisan umur, kaum dan agama. Ia menyediakan asas yang kukuh untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan, sambil memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa diutamakan.

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan Sarawak yang dipimpin oleh YB Datuk Amar SS dan agensi-agensi kerajaan persekutuan yang telah bertungkus lumus dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab masing-masing tahun demi tahun. Tahniah dan terima kasih kepada Tuan Speaker, Timbalan Speaker dan petugas-petugas DUN, Setiausaha Dewan, pembaca doa dan semua yang terlibat serta pihak media dalam menguruskan pengendalian persidangan kali ini dengan cemerlang dan jayanya. Selamat menyambut Hari Natal saya ucapkan kepada seluruh umat Kristian yang meraikannya dan selamat menyambut Tahun Baharu 2025 kepada seluruh rakyat Sarawak.

Dengan ini, Tellian menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024 dengan penuh keyakinan bahawa Kerajaan GPS sentiasa mengutamakan Sarawak yang stabil, maju dan makmur serta aman dan sejahtera. *Gai len Un Siieng Lakau Itou*. May God bless everyone! Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Tellian. Honourable Member for Murum, please.

YB Encik Kennedy Chukpai Ugon: Terima kasih, Dato Speaker. Selamat petang, Salam sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur.

Terima kasih, Tuan Speaker, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan atas bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024 dan Usul untuk Merujuk Resolusi Anggaran Pembangunan bagi Perbelanjaan 2025 yang telah dibentangkan oleh YAB Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong di Dewan yang mulia ini pada 11 November 2024 yang lalu.

Tuan Speaker, bersyukur kita kepada Tuhan atas berkat dan rahmat-Nya, Sarawak telah dianugerahkan kemakmuran dan kesejahteraan yang berpanjangan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg di atas usaha gigih, komitmen, kebijaksanaan dan kepimpinan yang cemerlang beliau serta barisan kabinet Sarawak yang berpandangan jauh telah dapat meningkatkan pendapatan Sarawak saban tahun di mana sehingga Oktober 2024, Sarawak telah merekodkan perolehan pendapatan tertinggi dalam sejarah Sarawak iaitu sebanyak RM12.2 bilion atau 87% berbanding unjuran anggaran pada tahun ini. Berdasarkan prestasi semasa kutipan hasil

Sarawak untuk tahun ini diunjurkan hampir RM14 bilion yang dijangka melepasi kutipan hasil tahun 2023 sebanyak RM13.3 bilion.

Belanjawan Sarawak 2025

Tuan Speaker, ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YAB Premier Sarawak atas kejayaan membentangkan Belanjawan bagi tahun 2025 yang terbesar pernah diumumkan oleh kerajaan dalam sejarah Sarawak yang bertemakan, *"Together Building A Prosperous Future"* atau *"Bersama Membangun Masa Depan yang Makmur"*. Dalam Bajet 2025 ini, perbelanjaan biasa adalah sebanyak RM13.7 bilion di mana RM4.9 bilion adalah untuk perbelanjaan operasi, manakala RM8.8 bilion adalah diperuntukkan kepada akaun dana pembangunan bagi menambah baki yang dibawa ke hadapan bagi membiayai Perbelanjaan Pembangunan 2025 yang dianggarkan sebanyak RM10.9 bilion. Daripada RM10.9 bilion yang dicadangkan untuk perbelanjaan pembangunan tersebut, RM6.8 bilion, atau 62% diperuntukkan kepada inisiatif pembangunan luar bandar.

Tuan Speaker, sekali lagi Belanjawan 2025 ini bukan sahaja *development biased* dan *rural focused* tetapi Belanjawan 2025 ini lebih dari itu kerana bersifat inklusif *people centric* yang merangkumi semua lapis kehidupan rakyat bagi mewujudkan masyarakat yang makmur dan saksama di mana tiada sesiapa yang akan ketinggalan serta meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat melalui inisiatif yang berpusatkan rakyat.

Belanjawan 2025 ini juga berpaksi kepada lapan *strategic trust* yang mempunyai hala tuju yang sangat jelas. Oleh itu, adalah menjadi harapan kita, agar pelaksanaan semua projek, program dan inisiatif dilaksanakan sebaik-baik yang mungkin. Marilah kita, kementerian, jabatan, agensi dan rakan-rakan strategik yang diamanahkan bersatu dan bekerjasama bagi merealisasikan hasrat murni bajet ini bagi mencapai matlamatnya demi Sarawak maju dan makmur.

Tuan Speaker, seiring dengan harapan belanjawan ini, izinkan saya menyentuh beberapa isu spesifik yang melibatkan kawasan saya di N.66 Murum yang memerlukan perhatian Dewan yang mulia ini.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Menaik taraf Jalan Bekas Balak

Tuan Speaker, pembangunan jalan raya termasuk jambatan merupakan keutamaan *strategic trust* dalam bajet 2025 ini sebagai pemangkin dan *game changer* kepada segala pembangunan di luar bandar dan pedalaman Sarawak. Saya amat kesal dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat bagi N.9 Padungan kerana beliau tidak bersimpati dan prihatin sama sekali dengan rakyat di pedalaman Sarawak yang masih memerlukan jalan raya.

Tuan Speaker, sekali lagi saya ingin memohon pencerahan daripada Kementerian Infrastruktur (MIPD), Jabatan Kerja Raya dan semua agensi yang bertanggungjawab berhubung dengan status permohonan dan inisiatif yang telah diambil bagi naik taraf jalan bekas balak yang menjadi akses utama ke kampung / rumah panjang di kawasan pedalaman Sarawak khususnya di DUN Murum seperti di kawasan Jelalong, Tubau, Ulu Sg. Belaga, Long Urun, Metalun, Tegulang, Sg. Linau dan Sg. Asap.

Tuan Speaker, antara jalan yang perlu diberi keutamaan, perhatian dan tindakan segera adalah menaik taraf jalan bekas balak ke Lusong Laku (55 km) dan Ulu Jelalong, Tubau (88 km) yang rosak teruk dan sering terputus ekoran jambatan yang diperbuat dari kayu balak sudah reput dan saban hari akan runtuh selain cerun-cerun jalan yang sering runtuh pada musim hujan yang menyebabkan akses utama ke rumah-rumah panjang di kawasan ini terputus yang tentu sekali, Tuan Speaker, akan menyukarkan aktiviti harian mereka. Saya amat bersimpati dengan nasib rakyat kita di kawasan pedalaman terutamanya yang bergantung sepenuhnya kepada jalan balak atau jalan bekas balak sebagai akses utama.

Tuan Speaker, sehubungan dengan itu, sekali lagi saya merayu di Dewan yang mulia ini agar kerajaan mengambil tindakan yang proaktif dan holistik dalam menyelesaikan masalah ini agar rakyat kita di pedalaman merasa tidak terpinggir atau terabai kerana pada satu ketika dahulu kawasan-kawasan pedalaman ini adalah penyumbang utama kepada pendapatan Sarawak dari industri kayu balak. Kini, kawasan-kawasan pedalaman ini umpama habis madu sepah dibuang.

Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengambil alih semua jalan balak dan bekas jalan balak di pedalaman ini untuk tujuan baik-pulih, naik taraf dan penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan akses ke kawasan pedalaman ini sentiasa dalam keadaan baik dan selamat. Besarlah harapan saya agar kerajaan segera memberi perhatian yang serius dalam perkara ini agar rakyat di kawasan pedalaman khususnya di N.66 Murum turut menikmati kemudahan jalan raya yang selamat dan selesa seperti tempat-tempat lain di Sarawak.

SEKTOR PERTANIAN

Tuan Speaker, sektor pertanian merupakan *strategic trust* yang penting dalam Bajet 2025 ini. Pendekatan ini amat bertepatan sekali dalam usaha kerajaan untuk memperkasakan ekonomi rakyat khususnya rakyat di luar bandar. Sektor pertanian begitu sinonim dengan rakyat di luar bandar yang menjadi punca pendapatan utama mereka.

Stesen Pertanian dan Collection, Packaging and Processing Centre (CPPC / Agrofood Terminal)

Tuan Speaker, sehubungan dengan itu, saya ingin memohon pencerahan daripada Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) berhubung dengan status pembinaan stesen-stesen pertanian di kawasan Murum yang telah diluluskan seperti berikut:

- (a) Stesen Pertanian Tubau;
- (b) Stesen Pertanian BRS Sg. Asap;
- (c) CPPC/Agrofood Terminal BRS Sg. Asap;
- (d) Stesen Pertanian Metalun;
- (e) Stesen Pertanian Tegulang; dan
- (f) Stesen Pertanian Lusong Laku

Bantuan kepada Pekebun Kecil

Tuan Speaker, saya juga mengalu-alukan tekad kerajaan untuk meningkatkan kehidupan petani atau pekebun kecil kita melalui inisiatif bantuan pelbagai program pembangunan tanaman makanan, nelayan darat, projek akuakultur, penternakan dan veterinar. Saya berharap petani atau pekebun kecil kita di pedalaman khususnya di DUN Murum diberikan perhatian dan mendapat manfaat dari inisiatif bantuan ini.

Jalan Ladang untuk Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa Sawit

Tuan Speaker, saya mencadangkan agar kerajaan melalui Jabatan Pertanian atau M-FICORD menyalurkan peruntukan bagi menaik taraf jalan ladang bagi pekebun kecil kelapa sawit di seluruh Sarawak khususnya di kawasan Tubau dan Sg. Asap yang kebanyakan penduduknya mengusahakan penanaman kelapa sawit. Ini akan meningkatkan pengeluaran hasil kelapa sawit dan sekali gus akan menambah pendapatan penduduk kita.

Sektor Pelancongan

Tuan Speaker, sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Sarawak, maka kerajaan melalui bajet ini telah memperuntukkan bajet yang besar untuk

mentransformasikan Sarawak sebagai destinasi utama untuk ekopelancongan yang kaya dengan pelbagai budaya dan warisan yang unik dengan alam semula jadi serta biodiversiti yang indah.

Tuan Speaker, kawasan kita di Murum dan Belaga sangat berpotensi untuk dijadikan destinasi eko-pelancongan berasaskan kebudayaan, pengembaraan, explorasi alam semula jadi (*culture, adventure and nature*) kerana kawasan kita amat unik dengan kepelbagaian suku bangsa dan etnik yang kaya dengan warisan, seni dan budaya yang bernilai tinggi selain mempunyai khazanah alam semula jadi, hutan rimba, flora dan fauna, sungai, tasik, gunung ganang dan air terjun yang indah dan cantik yang pasti akan menarik minat pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara.

Tuan Speaker, maka dengan itu, saya mencadangkan agar pihak Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC), pihak Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP) Sarawak, dan agensi-agensi berkaitan untuk mempromosikan produk-produk pelancongan kita yang sedia ada dan menerokai potensi destinasi yang baharu selain memberi insentif galakkan kepada komuniti kita untuk terlibat dan menceburi dalam industri pelancongan ini.

Tuan Speaker, saya ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada 12 Disember 2024 hingga 14 Disember 2024 akan datang ini kita akan mengadakan Pesta Kebudayaan Apau Koyan di BRS Sg. Asap. Apa yang menarik pada kali ini, selain Pesta Kebudayaan yang penuh gemilang dengan warna-warni kebudayaan Orang Ulu yang unik dan pelbagai ini adalah cubaan kita untuk mencipta dua rekod dunia iaitu yang pertama ialah *Elite World Record* bagi *the Largest Sape Sculpture Hand Crafted from Recycled Metal (from used motorcycle parts) measured 12.19 meters in length and weighed 3 tonnes* dan rekod dunia yang kedua *Elite World Record* bagi *the Most Participants in a Traditional Orang Ulu Music and Dance Ensemble Performance from 22 Ethnic Orang Ulu Tribes performed by 13 groups using traditional musical instruments*.

Tuan Speaker, objektif utama kita adalah untuk memelihara khazanah warisan untuk muzik tradisional dan kemudahan kebudayaan komuniti Orang Ulu sebagai tarikan pelancongan domestik dan antarabangsa.

Tuan Speaker, saya mewakili pihak Lembaga Pemegang Amanah Komuniti Apau Koyan dan Pejabat Daerah Belaga selaku penganjur bersama Pesta Kebudayaan Apau Koyan 2024, dengan berbesar hati mempelawa dan menjemput semua Ahli Dewan yang mulia ini dan seluruh rakyat Sarawak beramai-ramai berkunjung ke Pesta Kebudayaan Apau Koyan 2024. Kehadiran anda semua amat kami alu-alukan.

Transformasi Digital

Tuan Speaker, transformasi digital adalah *game changer* ke arah negeri berasaskan digital ekonomi yang pastinya memerlukan infrastruktur digital seperti menara dan rangkaian sistem telekomunikasi yang baik dan stabil termasuklah pemasangan *fiber optic* bagi mengoptimumkan pencapaian internet berkelajuan tinggi.

Tuan Speaker, dengan kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak kerana telah meluluskan peruntukan bagi Cadangan Projek Perkampungan Digital (*Digital Village*) di Skim Penempatan Semula Bakun (BRS) Sungai Asap dengan *high speed broadband internet* yang akan dilaksanakan pada tahun 2025. Besarlah harapan saya agar pihak agensi pelaksana akan merealisasikan projek ini dengan jayanya kerana projek ini bakal menjadi pemangkin dan *game changer* bagi memacu sektor pertanian moden, ekopelancongan, pendidikan dan kemudahan perbankan di BRS Sg. Asap selaras dengan hala tuju PCDS 2030.

EKONOMI BAHARU BERTERASKAN TEKNOLOGI HIJAU

Loji Janakuasa Solar Terapung

Tuan Speaker, ekonomi baharu berteraskan teknologi hijau adalah salah satu usaha Kerajaan Sarawak di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak yang telah banyak membawa masuk pelaburan dari luar negara. Antaranya adalah projek loji janakuasa solar terapung di Tasik Hidro *dam*.

Tuan Speaker, saya difahamkan bahawa Kerajaan Sarawak melalui Sarawak Energy Berhad (SEB) telah memeteraikan Perjanjian Kajian Bersama pada 5 November 2024 bersama dengan Abu Dhabi Future Energy Company (PSJC) Masdar dan syarikat tenaga bersih, Gentari Sdn. Bhd. untuk menerokai potensi bagi melaksanakan Projek Solar Terapung di Empangan Hidroelektrik Murum. Melalui kerjasama strategik ini, ketiga-tiga pihak akan melakukan kajian bersama selama 12 bulan bagi membangunkan projek tersebut dengan sasaran penjanaan tenaga solar sehingga 1 *Gigawatt* (GW).

Tuan Speaker, saya mewakili penduduk di sekitar Murum ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan SEB serta mengalu-alukan inisiatif tenaga hijau, Projek Solar Terapung ini di Murum kerana saya yakin projek ini secara langsung dan tidak langsung akan membawa manfaat dan peluang pekerjaan, sosial ekonomi kepada penduduk setempat.

Tuan Speaker, sehubungan dengan itu, saya sarankan agar SEB dan kerajaan yang prihatin ini menganjurkan program latihan vokasional khusus dalam teknologi tenaga hijau terutamanya *floating solar* bagi memastikan masyarakat di Murum mempunyai keupayaan dan pekerjaan yang sesuai dalam industri ini dan mengutamakan pengambilan tenaga kerja tempatan bagi projek tenaga hijau yang terletak di kawasan Murum serta memberi peluang bagi komuniti setempat untuk meningkatkan ekonomi mereka dengan menjadi pembekal bahan mentah dan perkhidmatan lain yang berkaitan atau melibatkan diri dalam eko-pelancongan.

Timbalan Speaker: Gulung, Yang Berhormat.

YB Encik Kennedy Chukpai Ugon:

Kesimpulan

Tuan Speaker, sebagai mengakhiri ucapan perbahasan ini, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Tuan Speaker dan Timbalan Speaker kerana telah berjaya mengendalikan persidangan kali ini dengan begitu bijak, profesional dan cemerlang sekali. Tidak lupa juga kepada Tuan Setiausaha, pegawai-pegawai, petugas-petugas Dewan yang mulia ini dan semua ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, agensi-agensi Kerajaan yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas masing-masing.

Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Natal, *Merry Christmas* kepada rakan-rakan yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baharu, *Happy New Year 2025* kepada seluruh rakyat Sarawak.

Dengan ini Murum memohon menyokong penuh Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 dan Usul untuk Merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025. Sekian, terima kasih. Tuhan memberkati.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Murum. Honourable Member for Krian, please.

YB Encik Friday anak Belik: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi Krian peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 yang dibentangkan oleh YAB Premier, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Gedong. Dengan kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas kepada YAB Premier atas kejayaan beliau membentangkan satu lagi bajet Negeri Sarawak bagi tahun 2025 dalam Dewan yang mulia ini. Selaku wakil rakyat dari DUN N.39 Krian saya amat bangga

dan menghargai peluang yang diberikan kepada saya untuk menyuarakan dan menyampaikan isi hati serta harapan rakyat Krian untuk tahun 2025 dan seterusnya.

Tuan Speaker, pada 11 haribulan yang lepas, YAB Premier telah membentangkan Belanjawan Negeri bagi tahun 2025 berjumlah RM15.8 bilion yang terbesar dalam sejarah. Sebagai satu belanjawan perkembangan, *expansionary budget* ianya bertujuan untuk terus meningkatkan perbelanjaan kerajaan yang akan merangsang pertumbuhan ekonomi negeri melalui belanjawan ini kerajaan akan terus komited untuk memperjuangkan kebajikan rakyat dengan menggariskan langkah-langkah yang konkrit bertujuan untuk meringankan beban kewangan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana serta meneruskan perlaksanaan program dan projek-projek penting yang dekat di hati rakyat.

Belanjawan 2025 menunjukkan pertambahan sebanyak RM2.2 bilion dari RM13.6 bilion pada tahun 2024 atau pertambahan sebanyak 16% kepada RM15.8 bilion. Dari jumlah tersebut sebanyak RM10.9 bilion diperuntukkan bagi tujuan pembangunan, manakala RM4.9 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan ini menjadikan perbelanjaan pembangunan yang terbesar setakat ini.

Tuan Speaker, Sarawak is so blessed to have a very capable, courageous, forward looking and caring leader in the person of the YAB Premier, who had been working tirelessly to create opportunities and introduced new initiatives to increase the state's revenue since he came to office in January 2017. For example, in 2018, Sarawak's revenue stood at RM7.2 billion while in 2022 the state's revenue rose to RM11.9 billion, an increase of 65%.

This increase was mainly derived from the state sale tax on oil and gas products, oil palm products, aluminium and other taxable products. Which is the brainchild of the YAB Premier. In 2023, the state's revenue stayed at RM13.3 billion, and for 2024, the state's revenue is projected at RM14 billion, with the ordinary expenditure revised to RM12.678 billion. With this encouraging performance, the state's budget for 2024 of RM13.6 billion is RM2.098 billion more than the 2023 budget of RM11.503 billion, an increase of 18%. On Monday, 11th, the YAB Premier had successfully tabled the State 2025 Budget of RM15.8 billion against RM13.6 billion in 2024, an increase of RM2.2 billion or 16%. The ever-expanding state budget was a result of the tireless effort by the government to improve and strengthen the state's economy through revenue re-engineering. This was made possible due to the political stability under the GPS Government, under the able leadership of our YAB Premier Abang Jo together with other state leaders who had been working together as a team to make Sarawak, a prosperous, harmonious and developed region come 2030. With political stability, the government can focus and dedicate all its resources to carry out its development agenda for the betterment of the people of Sarawak.

The 2025 State Budget

Tuan Speaker, the 2025 State Budget, will continue to be an expansionary budget that will thrive to boost government's spending that will further stimulate the state's economic growth. The Budget which themed, "*Together Building a Prosperous Future*" is again a people-centric budget, inclusive and forward looking. It lays a strong foundation for the state to face the global challenges and uncertainties in the coming years. The budget is framed with eight strategic thrusts and aimed at achieving five overarching goals, outlining the various initiatives which will become the guiding principle and drivers to steer Sarawak's economy towards becoming a robust, developed and resilient economy by 2030.

Tuan Speaker, seperti yang dibentangkan, anggaran pendapatan negeri untuk tahun 2024 ialah RM14 bilion, iaitu RM1.7 bilion melebihi hasil yang diperolehi pada tahun 2023. Daripada hasil tersebut, kerajaan mampu membuat perancangan untuk menjalankan program pembangunan dalam tahun 2025 dengan bajet RM15.8 bilion. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM10.9 bilion akan digunakan untuk tujuan pembangunan. Ini merupakan satu agihan perbelanjaan yang besar dalam sejarah negeri Sarawak dan sudah tentu akan mendatangkan faedah kepada rakyat terutama sekali

di kawasan luar bandar yang masih memerlukan lebih banyak pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas.

Maka oleh itu, Tuan Speaker, Krian mencadangkan dan memohon agar peruntukan pembangunan seperti Rural Transformation Programme yang disalurkan kepada setiap ADUN yang mewakili kawasan pedalaman dinaikkan dari RM5 juta kepada RM10 juta untuk satu tahun. Pertambahan ini adalah ekoran daripada kenaikan harga barang, kenaikan kos pengangkutan dan juga kenaikan gaji. Ini juga selari dengan usaha dan aspirasi kerajaan untuk membangun dan mentransformasikan luar bandar dapat dilakukan dengan lebih cepat.

Tuan Speaker, seterusnya saya beralih kepada beberapa isu pembangunan melibatkan kawasan DUN N.39 Krian yang masih memerlukan perhatian dan bantuan kerajaan.

INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS

Jalan Raya dan Jambatan

Saya memohon kepada pihak kerajaan untuk mendapatkan peruntukan pembinaan jajaran baharu empat lorong dari simpang Saratok hingga ke pekan Saratok yang mempunyai panjangnya dalam 9 km. Projek ini pernah dibangkitkan pada dua persidangan yang lepas, dan jika diluluskan, projek ini nanti akan mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang amat serius dan menjadi rungutan awam buat masa ini.

Pembinaan Jejantas (Fly over) di Lebuhraya Pan Borneo di Simpang Saratok

Projek ini jika diluluskan akan membantu melancarkan lagi aliran trafik dan akan mengurangkan risiko kepada pengguna jalan raya terutama sekali yang keluar dari Simpang Saratok dan seterusnya kita memohon peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan, iaitu dalam projek jalan perhubungan desa, projek mesra rakyat untuk menambah baik atau membaik pulih jalan-jalan kampung termasuk jambatan.

Bekalan Elektrik Luar Bandar (ALAF)

Sejak tahun 2022, pihak saya sudah mengemukakan 102 permohonan untuk ALAF kepada kementerian tetapi setakat ini hanya sembilan diluluskan. Oleh itu, Tuan Speaker, saya mohon supaya pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) mempercepatkan proses kelulusan terhadap permohonan tersebut demi keselesaan masyarakat di luar bandar. Di samping itu, saya merayu kepada pihak SEB untuk memberi keutamaan kepada bekalan elektrik ke Rh. Majid, Tenggalat Baru, Klua, yang panjangnya 24 pintu yang merupakan rumah panjang baharu yang belum mempunyai bekalan elektrik setakat ini.

Bekalan Air Bersih Luar Bandar

Saya memohon supaya proses pelaksanaan bekalan air bersih terawat ke empat kawasan yang telah diluluskan dalam MTR RMK-12 dipercepatkan. Kawasan tersebut ialah kawasan Ulu Gerenjang, Ulu Sebetan, Brayang, Mudong dan Kop Ibus. Perkara ini juga telah saya utarakan di persidangan yang lepas.

Sekolah Daif

Saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana telah meluluskan Projek Pembinaan Sekolah di bawah Peruntukan 1B Pembangunan Semula melibatkan empat buah sekolah rendah dari 28 buah sekolah dalam DUN N.39 Krian. Dengan ini, saya memohon supaya baki-baki sekolah yang lain, dilaksanakan menggunakan peruntukan pendahuluan RM100 juta dari RM705 juta yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Sarawak sebelum ini.

Perparitan dan Saliran

Untuk makluman dewan yang mulia ini, Pekan Saratok sering kali dilanda banjir kilat setiap kali selepas hujan lebat. Mohon peruntukan diberikan kepada Jabatan Perparitan dan Saliran dan juga Majlis Daerah Saratok untuk membuat kajian dan seterusnya mencari penyelesaian kepada masalah yang berlarutan ini.

EKONOMI

Pertanian dan Ternakan

Tuan Speaker, agriculture remains as the mainstay of the rural population in Sarawak, Krian with no exception. Majority of the farmers in Krian engage in oil palm cultivation either by GLCS Oil Palm Plantation participants or as smallholders. As revealed in the State Budget, oil palm related activities contributed to RM705 million to the State 2024 revenue receipt. Therefore, Tuan Speaker, I appeal to the government to allocate more fund under the AFF to M-FICORD to construct more new farm roads and to repair or upgrade some roads which are dire of repair. This will definitely help to spur further the commodity's production.

Industri dan Peluang Pekerjaan

Tuan Speaker, on Monday 11th November 2024, this august House had passed a new amendment, the Distribution of Gas (Amendment) Bill, 2024, which paved the way for the production of hydrogen fuel and other related activities. It was provided that hydrogen can be generated from water, plants, and wind.

It is of common knowledge that Sri Aman, Betong and Sarikei Division which is in the central region of Sarawak do not have any other natural resources like oil and gas. Nevertheless Tuan Speaker, we have a vast body of water in Batang Ai Dam. We also still have a big area of forested area around the three division which can become the source of hydrogen or feedstock. Therefore, Tuan Speaker, Krian would like to propose to the government that at least one of the hydrogen generating plant to be located at Batang Ai Dam near Lubok Antu. This is one way to diversify and decentralize our industrial area from being concentrated in Bintulu or Miri. Minta maaf pada orang Bintulu.

This will not only provide employment opportunities but will drive industrialisation in these three divisions and of course will bring about a balanced economic growth between regions in Sarawak. This is also in line with the initiative three under Strategic Thrust 1, i.e. Enhancing Rural Urban Economic Integration. I hope my other colleagues from Sri Aman, Batang Ai, Engkilili, Saribas, Layar, Bukit Saban, Kalaka, Kabong, Repok, Meradong, Pakan and Meluan will agree with me.

SOSIAL

Sports Complex and Related Activities

Tuan Speaker, the success of Sarawak in the last SUKMA had created greater awareness and excitement among the people on the importance of sports and games. As we prepare ourselves to co-host the 2027 SEA GAMES, we need more and better sporting facilities for both urban and rural. Towards this end, Tuan Speaker, I would like to appeal to the government to upgrade the existing sports complex and related facilities in Saratok to meet the increasing demands from the people.

GENERAL ISSUES

Institusi Ketua Masyarakat, Ketua Kaum (KMKK)

Tuan Speaker, the *Ketua Masyarakat, Ketua Kaum* Institution is a very important institution in Sarawak. They have a very long history of existence, way back into the Rajahs' time. They are the representatives for the government at the grassroot level. Under the present system, their role is no longer confined to administering the *Adat* at the *kampung* level, but they are very much involved in the development, security and advisory role. They are required to attend to government functions and programs every now and then. With a fixed allowance of RM900 per month, I find it quite tough for them to make end needs. Therefore, Tuan Speaker, I join my other colleagues to propose that the monthly allowances for KMKK be raised in tandem with their roles and responsibilities.

Social Issues

Tuan Speaker, kes kecurian melibatkan buah kelapa sawit kerap berlaku sama ada di ladang kepunyaan individu ataupun kepunyaan GLCs. Kejadian-kejadian ini makin berleluasa terutama sekali dengan kenaikan harga komoditi tersebut buat masa ini. Kejadian bukan hanya mendatangkan kerugian kepada tuan punya kebun tetapi juga boleh mendatangkan ancaman keselamatan dan ketenteraman awam kepada masyarakat keseluruhannya. Maka dengan ini, saya menyeru kepada pihak penguat kuasa dan keselamatan untuk mencari jalan menangani masalah ini dengan mengadakan perbincangan bersama-sama *stakeholders* yang berkaitan.

Masalah Kemalangan di Kawasan P-Turn

Masalah kemalangan melibatkan pemandu di kawasan *P-Turn* di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo di Daerah Saratok kerap berlaku. Saya memohon pihak yang berwajib supaya mengkaji semula kesesuaian tempat-tempat *P-Turn* sedia ada dan jika perlu dipinda kerana terdapat *P-Turn* yang terlampau jauh dari simpang-simpang utama seperti di SK Brayang, Simpang Jalan Ulu Awek, Simpang Jalan Ulu Krian dan Simpang Jalan Kaki Wong.

Dan sebelum saya mengakhiri, Tuan Speaker, again the 2025 Budget which was tabled by Yang Amat Berhormat on 11th November 2024 is indeed an inclusive, generous and people centric budget. It covers all spectrum of the society and put emphasis on the livelihood of the people regardless of their diverse background. It was formulated based on a very clear objectives, goal and strategies aimed at propelling Sarawak into a greater height of development economically and socially. It also lays down a very strong foundation for Sarawak to move forward, as we are preparing ourselves into the 13th Malaysia Plan in 2026.

Untuk mengakhiri perbahasan saya, Tuan Speaker, sekali lagi saya ingin menyampaikan ucapan tahniah dan penghargaan kepada YAB Premier, Ahli Yang Berhormat bagi Gedong atas kejayaan untuk membentangkan bajet negeri Sarawak tahun 2025. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YB Tuan Speaker juga seluruh warga Dewan Undangan Negeri Sarawak atas pengendalian persidangan pada kali ini.

So, akhir kata, saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada rakan-rakan yang akan meraikannya, Selamat Tahun Baharu kepada semua dan *Gong Xi Fa Cai* kepada rakan-rakan Tiong Hua. Maka dengan ini, Tuan Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024. Terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Krian. For better management of our time, Ahli-ahli Yang Berhormat, may I know who is next to speak besides Meluan, Ngemah, Tamin who are on my list here? Ok, Yang Berhormat Engkilili, any others? Batu Danau, so, Beting Maro. If that's the case, I think we take a short break of ten minutes, may we? Thank you.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.30 petang)

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.54 petang)

[Timbalan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Speaker: Honourable Member for Meluan, please.

YB Encik Rolland Duat anak Jubin: Terima kasih, Tuan Speaker. Lama sudah saya tunggu dari pukul 10 pagi tadi *mic* ini hidup.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Premier Sarawak atas pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 yang begitu berwawasan. Bajet ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Sarawak terus terpelihara.

Tuan Speaker, pada tahun 2024 kita menyaksikan pencapaian yang membanggakan. pertumbuhan ekonomi Sarawak dijangka berkembang antara 5% hingga 6%. Permintaan yang kukuh telah mendorong perdagangan luar meningkat sebanyak 5.4% daripada RM109.7 billion pada tahun 2023 kepada RM115.6 billion dalam tujuh bulan pertama 2024. Hasil negeri pada tahun 2024 dijangka melepasi RM13.3 bilion, rekod tertinggi dalam sejarah Sarawak.

Pencapaian ini bukanlah secara kebetulan tetapi hasil daripada *revenue re-engineering* yang bijak oleh YAB Premier. Di bawah kepimpinan beliau, Sarawak di bawah Kerajaan GPS dengan kepimpinan hebat YAB Premier berjaya melepasi arus politik Malaysia yang bergelora sambil memperjuangkan hak-hak Sarawak sejak YAB Premier, Abang Jo mengambil alih tampuk kepimpinan, hasil negeri telah meningkat hampir dua kali ganda daripada RM6.9 bilion pada tahun 2017 kepada RM11.9 bilion pada tahun 2023. Ini fakta dan bukan angka yang nyata dan tidak boleh disangkal. Ini membuktikan Kerajaan strategi *revenue re-engineering* dan pengurusan kewangan yang berhemat Kerajaan GPS.

Tuan Speaker, Bajet 2025 yang dibentangkan baru-baru ini sekali lagi mencatat rekod dengan unjuran hasil sebanyak RM14.2 bilion. Bajet ini jelas berorientasikan pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar. Dengan peruntukan RM8.8 bilion untuk pembangunan dan RM4.9 bilion untuk perbelanjaan operasi. Ini menghasilkan lebih RM486 juta yang boleh disimpan untuk generasi masa depan Sarawak. Dari sudut pandang ekonomi, bajet ini adalah seimbang dan mampan. Ia menumpukan kepada pelaburan dalam infrastruktur dan pembangunan modal insan yang akan merangsang pertumbuhan jangka panjang dan memperkukuhkan asas ekonomi negeri. Bajet seperti ini adalah baik dari segi ekonomi kerana ianya menggabungkan rangsangan fiskal dengan pengurusan kewangan yang berhemat.

Tuan Speaker, N.48 Meluan ingin turut serta menikmati kemakmuran di dalam Bajet 2025. Saya percaya bahawa kami akan mendapat bahagian yang adil daripada bajet ini. Pusat khidmat N.48 Meluan komited untuk bekerjasama rapat dengan pejabat kerajaan, kementerian serta pejabat daerah dan residen. Semua projek dan pembangunan di Meluan mesti dirancang bersama dengan pusat khidmat N.48 Meluan untuk memastikan keberkesanan penyampaian. Saya mencadangkan kepada Unit Perancang Ekonomi Sarawak, untuk menubuhkan satu pasukan petugas pembangunan di kawasan Meluan yang menyerupai pihak berkuasa pembangunan wilayah dalam skala yang lebih kecil bagi memastikan semua pembangunan kerajaan di Meluan diselaraskan dengan baik.

Tuan Speaker, Meluan, Daerah Julau adalah kuasa besar sukan Bahagian Sarikei. Seramai 74 pelajar dari Meluan di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Julau mewakili negeri Sarawak di dalam program sektor pembangunan bakat murid. SMK Julau 1 dan SMK Julau 2 telah mendominasi acara sukan di bahagian Sarikei dan sentiasa berada di kedudukan teratas setiap kejohanan tahunan. Kedua-dua sekolah ini terletak di N.48 Meluan. Kita harus mengiktiraf bakat anak-anak Meluan ini dengan fasiliti sukan lebih baik.

Oleh itu, saya ingin memohon agar Kompleks Sukan Julau dinaik taraf dengan kemudahan asrama untuk pelajar dan jurulatih. Pertambahan fasiliti seperti gimnasium dan kolam renang serta peningkatan padang dengan rumput standard atau rumput tiruan untuk acara kompetitif seperti bola

sepak adalah amat diperlukan. Juga kalau boleh, diberikan imbuhan atau elaun tambahan kepada tenaga pengajar yang terlibat dalam melatih dan membangunkan sekolah sukan.

Tuan Speaker, ekonomi utama di Meluan adalah sektor pertanian. Oleh itu, saya ingin memberikan tumpuan yang lebih kepada pembangunan infrastruktur pertanian terutama dari segi perhubungan jalan ladang. Daripada peruntukan jalan ladang yang diumumkan, Meluan memohon RM10 juta untuk pekebun kecil kami di N.48 Meluan terutama pekebun kelapa sawit dan lada. Pekebun lada di Meluan memerlukan lebih banyak infrastruktur. Mereka adalah pengeluar lada berkualiti terbaik di Sarawak, mungkin juga di dunia. Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) tidak seharusnya mengabaikan lada hanya kerana ianya di bawah agensi persekutuan, Lembaga Lada Malaysia (MPB). Kita harus fokus untuk meningkatkan nilai komoditi yang sudah kita miliki sebelum memperkenalkan tanaman baharu.

Lada Sarawak adalah yang terbaik di seluruh dunia. Saya ingin membangunkan nama khusus '*Lada Julau*' kerana lada dari kawasan Ulu Entabai, Masit, Ulu Kanowit adalah berkualiti sangat tinggi. Pekebun di kawasan ini amat mahir menanam lada dan juga kualiti tanah dan sumber air membolehkan mereka menghasilkan lada putih krim yang amat berkualiti tinggi. Saya mencadangkan satu kajian bagaimana kita boleh memohon *Protected Geographical Indicator* (PGI) untuk Lada Julau. Kita mesti memelihara dan mengiktiraf kualiti pekebun kecil dari kawasan ini.

Saya mohon projek khas daripada kerajaan untuk membina gudang bagi mereka memproses dan menyimpan lada mereka. Sekarang ini mereka masih memproses hasil mereka di dalam rumah. Saya juga ingin mencadangkan sebuah fasiliti R&D ditubuhkan di sini untuk meneroka teknologi yang lebih baik dan efisien dalam memproses lada putih krim yang mampu mencapai harga yang sangat tinggi. Saya ingin mengetuai projek ini sendiri. Saya mohon peruntukan khas daripada YAB Premier untuk usaha ini dan saya berjanji, YAB Premier akan melihat hasilnya nanti. Please give me the opportunity, Sir! Saya telah mengulangi permohonan ini hampir setiap sidang DUN dengan memohon CPPC untuk N.48 Meluan. Saya berharap kali ini permohonan saya ini akan diambil perhatian dan dilaksanakan melalui RECODA di bawah penyeliaan saya sendiri.

Tuan Speaker, matlamat utama saya sekarang adalah untuk meningkatkan pendapatan ekonomi rakyat N.48 Meluan. Tema perbahasan saya kali ini adalah bagaimana untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat di Meluan. Saya ingin melihat pekebun kecil dan belia di Meluan menjadi usahawan. Bukan sahaja berjaya untuk diri mereka sendiri tetapi juga mencipta peluang pekerjaan. Meluan mempunyai banyak peluang, terutamanya dengan kualiti lada bertaraf dunia. Saya mahu Sarawak Agro Fund (SAF) menyokong mereka. Daripada RM12.7 juta yang diperuntukkan untuk 2025 seperti yang diumumkan dalam bajet ini, saya memohon agar sekurang-kurangnya RM1 juta disalurkan kepada usahawan di Meluan. Pusat Khidmat saya bersedia untuk membantu dalam pelaksanaan ini.

Tuan Speaker, dari segi pembangunan infrastruktur jalan raya, saya memohon agar jalan balak dinaik taraf ke jalan R1 dari Nanga Engkamop ke Rumah Felix Bukit Seri, Rumah Panau Ulu Kemalih, Rumah Biking Tanjung Nibung dan Rumah Giman Kemedu Ulu Kemalih. Juga, naik taraf jalan dari Rumah Lugom ke SK Nanga Ensiring. Dengan peningkatan hasil Sarawak, YAB Premier, saya seperti juga Kalaka dengan Krian ingin memohon dan mencadang agar peruntukan Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) dinaikkan kepada RM10 juta khasnya untuk semua wakil rakyat di kawasan luar bandar dan pedalaman. Kenaikan ini untuk membantu mempercepatkan pembangunan di kawasan luar bandar dan juga di pedalaman. Saya juga mencadangkan agar projek jalan ladang dan infrastruktur asas ladang lain dilaksanakan melalui RTP. Proses penyampaian dan perolehan RTP sangat efisien dan boleh dilaksanakan dengan cepat dengan kurang birokrasi. Ini untuk memastikan penyampaian yang lebih pantas dan efisien.

Tuan Speaker, saya mewakili rakyat di N.48 Meluan sekali lagi ingin memberi jutaan terima kasih kepada YAB Premier di bawah Bajet 2025 ini. Julau *water supply system* telah diberikan peruntukan. Bagi kawasan pedalaman yang belum mendapat akses kepada air terawat, saya menggesa JBALB untuk sentiasa menjalankan kajian dan mencari teknologi baharu yang lebih

murah dan berkesan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya sedang menjalankan satu projek perintis untuk sistem rawatan air luar bandar di Rumah Sang Rantau Chirey Ulu Entabai. Sistem ini menggunakan *ceramic membrane technology*. Ia lebih murah daripada SAWAS dan setakat ini menunjukkan hasil yang amat baik. Justeru itu, saya ingin menjemput JBALB dan pegawai dari kementerian untuk menilai projek perintis ini dan saya berharap dapat mengembangkannya ke lebih banyak kawasan di DUN Meluan.

Selain itu saya memohon agar *grid electricity* diperluaskan ke Rumah Teresa Sedau, Batu 15, Jalan KJD, Rumah Liam Sejugam Lasi, Rumah Medam Genturung Sejugam, Rumah Vincent Sejugam dan Rumah Jang Tatai Kedat Sejugam.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengucapkan tahniah atas pelaksanaan Program Peningkatan Pendidikan Sarawak (SEEP). Program ini menawarkan inisiatif tuisyen percuma untuk pelajar Tingkatan 4 dan 5. Ini akan memberi manfaat kepada pelajar luar bandar dan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Saya adalah penyokong kuat pendidikan. Pendidikan adalah cara terbaik untuk meningkatkan taraf kehidupan terutamanya bagi komuniti luar bandar. Ini adalah langkah ke hadapan untuk membina generasi masa depan yang berdaya saing.

Saya juga memuji inisiatif baucar buku RM500, pemberian komputer riba percuma dan bantuan kewangan khas untuk pelajar Sarawak di universiti dan kolej sebanyak RM1,200 seorang. Ini pasti akan membantu pelajar miskin. Namun, hanya terpakai kepada kumpulan berpendapatan rendah dengan pendapatan per kapita isi rumah RM1,500 dan ke bawah. Saya ingin memohon mencadangkan agar ia diperluaskan kepada keluarga B40. Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, keluarga B40 juga memerlukan sokongan ini untuk memastikan anak-anak mereka dapat belajar dengan lebih selesa dan fokus.

Tuan Speaker, saya juga memuji Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) yang menyediakan bantuan kewangan antara RM250 hingga RM800 setahun dengan objektif "*semua orang akan mempunyai makanan di atas meja*". Ini menunjukkan Kerajaan GPS sentiasa prihatin terhadap rakyat. Ini adalah tambahan kepada Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Kerajaan Persekutuan. Saya ingin Pusat Khidmat DUN terlibat dalam pelaksanaan program ini. Pusat Khidmat DUN boleh membantu dan menyokong. YB perlu bersama melaksanakan, terlibat secara langsung dalam program ini. Pusat Khidmat DUN boleh membantu dalam permohonan dan pengagihan bantuan tersebut.

Tuan Speaker, saya sekali lagi ingin menekankan penglibatan Pusat Khidmat DUN dalam merancang dan melaksanakan inisiatif Kerajaan Sarawak. Saya mencadangkan agar Program Pembangunan Belia yang memberikan peruntukan atau setidak-tidaknya melibatkan Pusat Khidmat DUN untuk merancang dan menganjurkan aktiviti belia. Pusat Khidmat DUN perlu terlibat secara aktif dalam aktiviti belia dengan peruntukan daripada kementerian.

Selain itu, saya juga ingin menyentuh mengenai program penyukatan tanah NCR. Saya memohon agar Pejabat Tanah dan Survei bekerjasama rapat dengan Pusat Khidmat DUN untuk Program Pengukuran Tanah NCR. Ini amat penting untuk memastikan kelancaran program ini dan juga untuk mengelakkan pertikaian tanah yang melambatkan kerja menyukat. Setakat ini, saya dimaklumkan bahawa 57,039 hektar tanah NCR telah diluluskan atau telah disukat di bawah Seksyen 6 di DUN Meluan. Pada kesempatan ini, saya mohon agar peruntukan yang lebih banyak diberikan untuk penyukatan tanah Seksyen 6 kepada Seksyen 18 di DUN Meluan.

Tuan Speaker, saya ingin lagi mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada kementerian yang berkenaan. Bagaimana aktiviti karbon hutan boleh memberi manfaat kepada pemilik tanah NCR dan apakah peluang yang ada? Bagaimana kita boleh menjadikan program ini sebagai cara menjana ekonomi luar bandar? Saya ingin mencadangkan agar satu mekanisme dengan pemilik tanah diberikan ganjaran berbentuk kewangan untuk memelihara pokok di atas tanah mereka supaya mereka dapat menyumbang kepada inisiatif perubahan iklim. Dengan itu, tanah NCR yang berbukit dan tidak sesuai untuk aktiviti pertanian komersial boleh dipelihara.

Seperti di persidangan yang lepas, saya ingin sekali lagi memohon agar kelulusan SPA untuk stesen minyak baharu di Julau dipercepatkan. Saya dimaklumkan bahawa kelulusan daripada KPDN telah pun diberikan pada 9 Ogos 2023. Saya berharap pihak SPA dapat menyelesaikan segala birokrasi supaya rakyat di N.48 Meluan dapat mengurangkan kos pengangkutan yang mana pada masa ini terpaksa ke Sibu Jaya untuk mengisi minyak kenderaan mereka.

Tuan Speaker, kami ba Julau nadai stesyen minyak. Ini udah berapa tahun udah, aku udah masuk dua terms, stesyen minyak alu enda ulih. Rakyat selalu nganuk wakil rakyat, nya alai enggau tu aku mintak SPA ningga ka jaku wakil rakyat ari N.48 Meluan. Awakka sida iya ulih meri pembenar tapak stesyen minyak endur ngaga stesyen minyak tu ulih dijabat lalu meri penyenang ngagai rakyat aku di Julau diatu N.48 Meluan. Laban pekara tu udah kelalu lama, penyakit tu udah besai nyadi kitai nguji ngubat iya ngambi ulih gerai. Nyadi rakyat senang, GPS pun senang. Nya pinta aku.

Pada kesempatan ini juga saya ingin menyentuh sedikit tentang Lebuhraya Pan Borneo. Memandangkan ianya akan siap 100% tidak lama lagi, mungkin boleh dipertimbangkan agar had laju lebuhraya ini dinaikkan daripada 100 kilometer sejam kepada 120 kilometer sejam dengan keadaan jalan yang sudah baik. Namun demikian, saya juga menyeru agar penguatkuasa lebuhraya diwujudkan untuk mengelakkan amalan yang amat berbahaya seperti memandu melawan arus dan juga pejalan kaki melintas menyeberangi lebuhraya. Keselamatan pengguna lebuhraya perlu diambil perhatian dengan peningkatan kemalangan yang disebabkan oleh sikap pemandu melawan arus.

Timbalan Speaker: Sila, *gulung*, Yang Berhormat.

YB Encik Rolland Duat anak Jubin: Okay, sekejap lagi. Saya teruskan, sudah lama menunggu ini.

Tuan Speaker, akhir kata, saya ingin sekali lagi merakamkan penghargaan kepada YAB Premier atas inisiatif-inisiatif beliau dalam Bajet 2025 ini yang berfokus kepada pembangunan mampan dan kesejahteraan rakyat. Bajet ini bukan sahaja memenuhi keperluan semasa tetapi juga meletakkan asas kukuh untuk masa depan Sarawak yang lebih gemilang.

Saya yakin bajet ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan dengan pengurusan kewangan yang berhemat dan perancangan strategik, kita akan dapat mencapai matlamat pembangunan jangka panjang dan memastikan kesejahteraan rakyat terjamin. Sebelum saya mengambil tempat duduk, saya ada pantun ini. Saya mahu berpantun juga:

*Bukit Stulak di Ulu Entabai,
Palan Rentap ngetanka diri diserang Brooke;
Bajet 2025 dilanggur YAB Premier chukup besai,
Ngambika pengidup rakyat Sarawak senang kurang penyuntuk.*

*Pesta lada tebilang di Julau,
Diintu belama setiap taun;
Aum Kunsil Negeri 2024 nadai kachau regau,
Laban Tuan Speaker landik gawa chukup chun.*

Dan juga dengan peluang ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada yang merayakan dan juga Selamat Tahun Baharu kepada semua rakyat negeri Sarawak. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Meluan. Next, Member for Ngemah.

YB Encik Anyi anak Jana: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman

Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong pada hari Isnin, 11 November 2024 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan limpah kasih dan izin-Nya, negeri kita dimurahkan rezeki, diberikan kesihatan yang baik dan keharmonian rakyatnya yang berkekalan. Semua ini pastinya tidak diperolehi dengan jalan pintas tetapi ia dicapai hasil berkat kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak atas kebijaksanaan, komitmen yang tinggi dan kepimpinan yang cemerlang oleh beliau serta barisan kepimpinan Kabinet Sarawak.

Tuan Speaker, pembentangan Bajet 2025 oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak yang bertemakan "*Bersama Membina Masa Depan Makmur*" bukan sahaja mencipta sejarah dengan pengumuman bajet yang terbesar setakat ini tetapi turut memaparkan sejarah baru yang memberi impak positif kepada rakyat di Wilayah Sarawak. Jika pada Belanjawan 2024 yang berjumlah RM13.6 billion dikatakan sebagai yang tertinggi, Belanjawan 2025 yang berjumlah RM15.8 billion adalah merupakan satu sejarah yang pastinya menarik perhatian berkenaan dengan pelaksanaannya. Rakyat Sarawak pastinya bertuah kerana mempunyai pemimpin yang berpandangan jauh, berjiwa besar, prihatin dengan keperluan rakyat di samping tegas dalam memperjuangkan hak-hak Sarawak khasnya yang melibatkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Bajet yang berasaskan keperluan rakyat ini dengan penekanan kepada pembangunan seimbang khasnya bagi kawasan bandar dan juga luar bandar amat dinanti-nantikan oleh rakyat Sarawak. Belanjawan 2025 yang berpaksikan lapang teras pembangunan mempunyai hala tuju yang jelas dan pastinya menjadi harapan kita agar semua perancangan, pelaksanaan program dan projek dapat dilaksanakan secara teratur agar matlamatnya dapat dicapai dengan jayanya.

Sebagai mewakili kawasan luar bandar seperti kawasan Dewan Undangan Negeri Ngemah, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak atas penekanan dan kerja keras beliau dan barisan kabinet yang sentiasa memberi keutamaan untuk merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan juga luar bandar.

Tuan Speaker, sekarang izinkan saya untuk berkongsi beberapa isu di kawasan saya iaitu di kawasan DUN N.49 Ngemah yang pasti memerlukan perhatian di Dewan yang mulia ini. Ia juga menuntut komitmen tinggi dan kerjasama pihak berkaitan khasnya kementerian, jabatan dan juga agensi kerajaan yang terlibat.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Tuan Speaker, mewakili rakyat di DUN Ngemah, saya mengucapkan terima kasih pada kerajaan Sarawak atas penubuhan Mid-Rajang Regional Development Agency (MiRRDA) dengan hasrat untuk meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk di kawasan terbabit. Melalui MiDDA, ia perlu membuat perancangan pembangunan kawasan secara terancang dan lebih sistematik. Oleh itu, penekanan bagi pembinaan beberapa projek jalan raya perlu diberi perhatian segera untuk mempercepatkan pembangunan sosioekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat di kawasan yang terbabit. Projek-projek pembinaan jalan raya adalah seperti berikut:

- (a) Pembinaan Jalan Nanga Ngungun / Nanga Bat / Ng. Pra / Ng. Jagau;
- (b) Menambahbaik jalan-jalan simpang di area Jih, tuah, Pedai, Bawan dan Mapai
- (c) Pembinaan Jalan Batu Luking / Nanga Poi
- (d) Pembinaan Jalan Nanga Dap / Lepong Ngemah / SPS Nanga Ngungun

PENDIDIKAN

Tapak Baharu Bagi Sk Nanga Jagau dan Sk Nanga Balingiau

Tuan Speaker, isu-isu yang melibatkan sekolah khususnya bagi sekolah di kawasan pedalaman haruslah diberikan perhatian segera. Sekolah yang berada di kawasan pedalaman khususnya, selalu menghadapi masalah kekurangan kemudahan dan bahan-bahan untuk mengajar. Perkara ini pastinya menyukarkan tenaga pengajar untuk memberikan perkhidmatan dengan lebih baik dan berkualiti seiring dengan sistem pengajaran dengan cara yang baharu. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak perlu bekerjasama rapat untuk menyalurkan dana bagi menyediakan peralatan yang lengkap dan kemudahan yang bersesuaian untuk mengajar bagi sekolah-sekolah yang memerlukan.

Bagi SK Nanga Jagau, ia memerlukan satu tapak baharu yang lebih sesuai dan selamat. Ketika itu tapak SK Nanga Jagau tidak selamat kerana kedudukan sekolah ini terletak di kawasan lereng bukit dan bercerun. Keadaan tanah di kawasan tersebut mudah berlakunya tanah runtuh bila adanya hujan lebat. Terdapat beberapa buah bangunan di sekolah ini yang uzur dan kurang selamat untuk didiami dan digunakan sebagai tempat untuk menimba ilmu. Disarankan agar pihak kerajaan mencari satu tapak baharu yang lebih sesuai dan selamat bagi SK Nanga Jagau.

Manakala bagi SK Nanga Balingiau pula, tapak sekolah ini sering berlakunya banjir setiap kali hujan turun. Setiap kali hujan, beberapa kawasan di sekolah ini akan terkesan kerana air sungai yang melimpah. Perkara ini pastinya menyebabkan kerosakan kepada bangunan yang terlibat di samping merosakkan peralatan alat bantuan mengajar. Pihak Jabatan Pendidikan dan juga wakil rakyat perlu menyumbangkan dana setiap kali berlakunya permasalahan yang timbul semasa dan selepas banjir ini tadi. Keadaan ini bukan sahaja tidak selamat kepada murid-murid tetapi juga amat mengganggu proses pembelajaran yang dijalankan di sekolah tersebut.

Tapak lama SMK Datuk Haji Abdul Rahman Yakub (SEDAYA)

SMK SEDAYA telah berpindah ke tapak baharu pada tahun 2013. Sejak tempoh tersebut, tapak ini telah terbiar kosong di mana bangunan yang ada hanya ditinggalkan tanpa penjagaan atau dirobohkan terlebih dahulu. Keadaan ini menyebabkan tapak lama ini ditumbuhi oleh semak samun dan terdapat juga bangunan telah roboh dan sebahagiannya. Perkara ini mengundang tanda tanya dan menimbulkan persepsi negatif penduduk setempat kerana selain daripada persekitarannya menyakitkan mata yang memandang, ia juga dikhuatiri boleh menjadikan tempat haiwan liar bersarang dan juga tempat melepak bagi remaja yang tidak bersekolah. Oleh itu, disarankan agar kerajaan Sarawak mengambil alih tapak SMK SEDAYA ini dan dibangunkan untuk kegunaan lain yang boleh memberi manfaat kepada penduduk setempat. Pengambil alihan tapak lama tersebut bukan sahaja akan memberi manfaat kepada penduduk jika ianya dibangunkan oleh kerajaan tetapi juga dapat mengembalikan semula hak Sarawak ke atas tapak tanah terbiar tersebut.

Pengambilan Tenaga Pengajar Tempatan

Baru-baru ini kita di Sarawak dihebohkan dengan isu pengambilan dan pengisian jawatan tenaga pengajar di Sarawak. Dari segi pemahaman kita, pengambilan khas tenaga pengajar tersebut sepatutnya hanya untuk anak-anak Sarawak tetapi perkara sebaliknya berlaku. Kita tidak mahu kekosongan jawatan guru di Sarawak dimonopoli oleh orang luar Sarawak kerana terbukti sebelum ini mereka akan memohon berpindah dari Sarawak dalam tempoh kurang dari setahun selepas melapor diri bertugas. Perkara ini pastinya memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran anak-anak kita di Sarawak.

Bagi mengatasi masalah seperti ini daripada memberi kerumitan kepada sistem pendidikan kita adalah harus untuk memberi peluang kepada graduan anak tempatan terlebih dahulu bagi menabur bakti untuk mendidik anak-anak di Sarawak. Orang Sarawak akan lebih memahami sosioekonomi orang Sarawak berbanding daripada orang dari luar Sarawak. Ini bukan bermaksud kita menidakkan semangat integrasi tetapi perlulah ada tapisan dan syarat yang lebih ketat untuk orang luar Sarawak yang ingin bertugas di Bumi Kenyalang ini.

Penyukatan Tanah Hak Adat Bumiputera

Tuan Speaker, kawasan DUN Ngemah merupakan kawasan luar bandar yang masih tebal diliputi kawasan hutan. Keadaan ini pastinya berkait rapat dengan kawasan hutan atau tanah hak milik penduduk yang belum lagi diukur. Isu pengukuran perimeter bagi Tanah Hak Adat Bumiputera (*NCR Land*) telah lama disuarakan tetapi belum ada penyelesaian seperti yang dikehendaki oleh pemilik tanah adat tersebut.

Ketika ini, pengukuran perimeter tanah adat perlu melalui Seksyen 6, Kanun Tanah Negeri iaitu pengukuran secara komuniti sebelum diukur di bawah Seksyen 18, Kanun Tanah Negeri bagi pemilikan individu. Isu tuntutan bertindih pemilikan tanah adat di antara penduduk dengan syarikat-syarikat swasta yang membangunkan tanah tersebut sama ada untuk tujuan pembalakan dan pertanian serta perebutan pemilikan di antara ahli keluarga dan sanak saudara juga dilihat menyumbang kepada kelewatan dalam mengeluarkan surat hak milik tanah kepada individu.

Berdasarkan pemahaman saya sebagai seorang yang berasal dari rumah panjang, pembahagian sempadan tanah adat setiap individu bagi kaum Iban khususnya, adalah berdasarkan faktor fizikal tanah tersebut seperti puncak bukit ataupun puncak gunung, di lembah, sungai dan sebagainya. Oleh itu, penyegeraan dalam mengukur perimeter tanah adat ini adalah perlu diberi perhatian yang serius. Penyelesaian kerja-kerja pengukuran tanah adat ini adalah diharap dapat digunakan secara maksima untuk mengeluarkan hasil pertanian agar ia dapat meningkatkan sosioekonomi rakyat setempat, meningkatkan pendapatan isi rumah dan sekali gus dapat mengurangkan kadar kemiskinan rakyat Sarawak khususnya di kawasan luar bandar.

Pelantikan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum

Tuan Speaker, Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum memainkan peranan penting dalam melicinkan pentadbiran di peringkat kampung. Kerajaan Sarawak sewajarnya memantapkan institusi Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum bukan sahaja keperluan dari segi kelayakan akademik mereka tetapi juga dari aspek elaun yang diterima oleh KMKK tersebut. Bidang tugas KMKK ketika ini adalah mencabar dan tidak hanya untuk menjaga pentadbiran di kampung atau rumah panjang mereka sahaja kerajaan disarankan agar mengkaji semula pemberian elaun kepada Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum yang ketika ini ditakrifkan sebagai kurang sesuai dengan beban tugas mereka dan juga keadaan ekonomi semasa.

Sebagai contoh, elaun seorang ketua kaum yang ketika ini berjumlah RM900 sebulan wajar dinaikkan kepada sekurang-kurangnya RM1,200 sebulan. Dengan pertambahan elaun tersebut sudah pastinya akan meningkatkan komitmen KMKK dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Selain itu, pelantikan bagi Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum juga perlu diteliti dan dinilai semula. Ketika ini masih terdapat Ketua Masyarakat (Penghulu) yang mempunyai sehingga melebihi 60 buah rumah panjang atau 20 buah kampung atau 20 rumah panjang dalam bidang kuasa mereka. Skop kerja mereka ini boleh dikecilkan kepada 20 hingga 30 buah panjang atau kampung bagi melicinkan aspek pentadbiran. Manakala bagi pelantikan Tuai Rumah, dicadangkan agar *Tuai Rumah* yang mentadbir sekurang-kurangnya 20 pintu diberi kelonggaran untuk dilantik secara sah dengan diberikan sijil pelantikan ketua kaum.

Di DUN Ngemah contohnya, ketika ini terdapat lapan orang *Tuai Rumah* tiada sijil pelantikan ketua kaum walaupun pintu rumah panjang mereka melebihi 20 pintu seperti dalam syarat pelantikan. Selain itu, pemantapan institusi KMKK wajar juga dilakukan bersesuaian dengan peredaran masa. Mereka ini perlu didedahkan dengan info dan maklumat terkini kerajaan melalui penganjuran program yang bersesuaian secara berkala. Bagi pelantikan baru misalnya, setiap KMKK yang baru dilantik adalah perlu dibekalkan dengan sesalinan Buku Adat Istiadat sebagai rujukan mereka.

Lain-Lain Isu

Tuan Speaker, hal-hal lain daripada saya. Antara isu lain yang masih perlu diambil perhatian di DUN N.49 Ngemah ialah seperti;

- (a) Isu Elektrik – masih ada empat buah rumah panjang dan 110 *household* yang masih belum mendapatkan bekalan elektrik;
- (b) Air bersih – masih terdapat 66 buah rumah panjang di DUN Ngemah yang belum menerima bekalan air bersih. Mereka hanya menggunakan air hujan dan juga air daripada sungai; dan
- (c) Isu Telekomunikasi – Menara telekomunikasi mungkin mencukupi di DUN N.49 Ngemah tetapi liputannya masih lemah. Masih ada tempat-tempat yang kurang mendapat liputan di area DUN N.49 Ngemah. Mohon kementerian berkaitan mengambil berat tentang isu-isu ini.

Tuan Speaker, jadi sebelum saya mengakhiri perbahasan Pembentangan Belanjawan 2025 oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas bagi mereka yang menyambut Hari Krismas yang akan menjelang tidak lama lagi dan Selamat Tahun Baharu bagi semua rakyat Sarawak di luar sana. Maka dengan ini, saya dengan ikhlas dan rendah hati menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah. Next, Honourable Member for Tamin.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: Lama sudah tunggu. Thank you, Tuan Speaker. Thank you for giving me the opportunity to debate for this budget. I wish to congrats the Yang Amat Berhormat Premier Sarawak for his speech on the Supply (2025) Bill, 2024 tabled in this august House on 11th November 2024.

Tuan Speaker, before I proceed further, I would like to welcome our guests to our Dewan Undangan Negeri, member of Institute of Engineer Malaysia (IM) Sarawak branch, Persatuan Pribumi Sarawak Miri, Persatuan Masyarakat Salako dan Rara Sarawak (PERASA). I think they are still around in the DUN.

The theme of the state budget is, "*Together building a prosperous future*", marks the largest budget in Sarawak history and this will create a many new milestones which benefit the people of Sarawak, and encompasses all the layers of society, unwavering dedication to building an inclusive prosperous Sarawakian and its rural-biased.

The state's revenue collection as of October 2024 is RM12.2 billion with a projected performance to be about RM14 billion this year, will be another record-breaking achievement. This mainly source from the sales tax, cash compensation in lieu of oil and gas right, dividend, investment interest and return, raw water royalty, federal and etc. The state's budget proposed for a total of RM15.8 billion of which RM10.9 billion is for development expenditure and the remaining of RM4.9 billion is for operating expenditure is to stimulate the state's economic growth. And to note that, this budget is a surplus budget. This is the biggest budget tabled in this august House.

With a projected revenue of RM14.2 billion and high development expenditure allocation of RM2.9 billion with a surplus of RM486 million, this budget signifies an ambitious yet responsible approach to advance infrastructure and foster economic development, indicative of solid commitment to the welfare of Sarawakians. The five goals for the 2025 State Budget are covering eight strategic thrusts and various initiative to ensure its success.

Under the leadership of the Yang Amat Berhormat Premier, Sarawak had accomplished many significant achievements. The GPS Government advance Sarawak's interests as a majority shareholder in Affin Bank and Bintulu Port, acquiring a state in LNG through the purchase of Shell's

shares and obtaining a stake in Bakun from Tenaga Nasional are all major milestones. Additionally, having PETROS now recognized as the third-largest oil company in Malaysia is a testament to the strategic vision and leadership driving Sarawak's economic growth and prosperity. These accomplishments not only strengthen Sarawak's position in the energy sector but also promise substantial benefits for the local economy and communities.

Here, I also like to congratulate to our Sarawak team for the outstanding achievement of SUKMA. The dedication and hard work of our athletes, organizers, and ministers responsible for SUKMA and PARA SUKMA competitions are truly commendable. Sarawak has demonstrated exceptional organizational ability. These remarkable efforts have truly showcased the spirit and talents of Sarawak. Well done to everyone. *Agi Idup Agi Ngelaban*. And, we are looking forward to be the host for the SEA GAMES 2027.

13th Malaysia Plan (RMK-13)

Tuan Speaker, I fully support the Yang Amat Berhormat Premier request for allocating RM117 billion from Federal Government for Sarawak's development under the 13th Malaysia Plan (RMK-13) after 62 years formation of Malaysia. This comprehensive request underscores the YAB Premier's commitment to improve infrastructure, healthcare, education and connectivity in Sarawak.

In October 2019, the late Tan Sri James Masing Minister for Infrastructure and Port Development proposed to construct Sarawak-Kalimantan Border Security Road Network stretching from Biawak to Lawas with approximately length 1,032 kilometer with the federal roads with an estimated cost of RM24 billion. The project aims to provide local connectivity, international accesses and safeguard critical assets like the Sabah-Sarawak gas pipeline and hydroelectric power dam. This project should proceed and funded by the Federal Government.

Professional Consultancy Practices in Sarawak

Tuan Speaker, as I mentioned earlier, we have a team of Institute of Engineers Malaysia with us here to show their support to ask me to raise their concerns regarding professional services in Sarawak. I raised this issue during the last DUN sitting concerning the challenge faced by our professional consultant in Sarawak, including engineers, architects, quantity surveyors. Unfortunately, there has been no response from the relevant government agencies.

These challenges include the inconsistent application of number one, the scale of fee offered to the consultants. Delay in payments from the government agencies and private sector. This situation is unsustainable and jeopardizes not only the viability of the businesses but also the quality and timeliness of the service they provide to the government or the private sectors. Consultants are being asked to fulfil additional works or meet extra requirements beyond the original scope of their project, yet no payment is provided for these additional tasks. This not only undermines the viability of their businesses but also creates frustration demoralization among professionals who strive to maintain the high standards in their work.

Hence, I urge the relevant ministry, especially the State of Financial Secretary (SFS) to look into this issue with the stakeholders, consultants, and relevant government departments and other agencies. Failure to act could lead to the loss of the talent and resources, which would ultimately jeopardize Sarawak's long-term development goals.

Infrastructure

Tuan Speaker, now I would like to bring up issues in development in my constituency in DUN N.59 Tamin. I would like to thank the Federal and State Government for approving roads in Tamin area, namely projects funded by Federal Government:

- (a) Construction of Jalan Ng. Pakoh / Rh. Mukau, Rantau Lumban, in Ulu Oya, Sibu with a cost project of RM59.5 million;
- (b) Construction of Jalan Ng. Luam / Ng. Woh/ Rh. Pengarah, Ulu Mukah, Bahagian Sibu with a project cost of RM84 million;
- (c) The project funded by State Government, project proposed new road from Rh. Enjah to Rh. Meroda, Ulu Bunau, Selangau with a project cost of RM23 million;
- (d) Proposed new road from Ng. Sekuau Access Road to SK Ng. Pakoh / Rantau Lumbang, Ulu Oya, Selangau, Sibu with a project cost of RM204 million; and
- (e) Construction of New Access Road from the Pan Borneo Highway to Selangau Town with a project cost of RM7 million.

I would like to see all these projects to be implemented as soon as possible for the benefit of the local people. Nevertheless, I also request the government for implementation of the proposed roads project namely;

- (a) Upgrade Jalan Ng. Tajam Batang Oya Sibu;
- (b) New road to Ulu Selangau, Selangau;
- (c) Upgrade Jalan Sepudun Balingian Selangau; and
- (d) Construction of Suspension Bridge to SRK St. Mark Selangau.

Water Supply and Water Treatment Plant

Now, I want to touch water supply and water treatment, Tuan Speaker. With the rapid development including the construction of SMK Selangau and the opening of the new pig farming area in Selangau, the current water supply capacity will not be sufficient to meet the demands. There are two projects approved by Federal Government, namely, Stapang Sekuau Water Supply, with the approved budget of RM117 million, another one is Selangau Water Supply approved budget is about RM200 million. However, the implementation of these projects is still zero physical even though they already announced by the ministry is about seven to six years ago. Therefore, I propose to the Federal Government to channel the funds to the State Government for the State Government to implement, sorry, to expedite the projects.

Anjung Usahawan and Commercial Banks

Tuan Speaker, I will touch about the *Anjung Usahawan* is an initiative established by the Sarawak Government in collaboration with TERAJU to empower the Bumiputera economy in Sarawak. Under this initiative, the government provides premises or facilities at affordable rental rates to Small and Medium Enterprises (SMEs), traders, or local residents so that they can gather, promote, and sell their products.

Therefore, I would like to request to set up *Anjung Usahawan* in Selangau as this could significantly enhance local businesses by offering them platform to promote and sell their products, while also meeting the community's need for more facilities or services. Along with this, I would also like to appeal to the commercial banks to open branches in Selangau. The people in Selangau are mostly farmers and business transactions are mostly in cash. Selangau is a gold mine that bankers should explore for deposits, loans and short-term advances.

Proposed Selangau District Council (SDC)

Tuan Speaker, I raised this issue the proposed of the Selangau District Council (SDC). I raised these issues in November 2018, in this august House to propose to establish a Selangau District Council (SDC) to serve the people better, as the Sibu Rural District Council (SRDC) currently administers a large area which the covers around 6,000 km². To manage this vast area more effectively, the idea of creating a separate district council for Selangau District Council (SDC) is timely. The proposed SDC will cover area Siong, Sekuau, Batang Oya, Selangau and up to Arip. Therefore, I appeal to the State Government to consider this proposal to speed up development within this area.

Telecommunication

Tuan Speaker, I would like to thank the Federal Government, the State Government, for the construction of more telecommunication towers in Tamin. However, not all the towers are operational in my area. I have received complaints from rural areas, rural folks especially in my area regarding slow internet service, no telephone line at all. I hereby requested the Government to look into this problem and expedite it to resolve this issue.

Re-Delineation Exercise

Tuan Speaker, I would like to talk about the proposed to reserve 35% of parliamentary seats for Sarawak and Sabah. This is vital as according to the Malaysian Agreement (MA63), Sabah and Sarawak should be acknowledged as equal partners in the formation of Malaysia, not merely as States within the Malaya Federation. With the proposed new re-delineation seat, I request DUN Tamin to be divided into a few additional seats, as it is a very big area. This will attract additional allocation such as RTP, MRP, PPRMS and etc., to the new additional seats to accelerate the development in that area.

Selangau Multipurpose Hall and Sports Complex

Tuan Speaker, there is a multipurpose hall in Selangau managed by Sarawak's Ministry of Youth and Sports. However, these facilities cannot be used due to stolen electrical appliances, toilet doors, cracks and chairs vandalism. Therefore, I suggest that the multipurpose hall be handed over to Selangau District Office for management and maintenance. And also, the construction of the Selangau Mini Sport Complex which had commence in April 2020 over a 24 month period. However, after the COVID-19, the contractor declined to continue and appealed to JKR Sarawak for mutual termination. Therefore, this project to resume as soon as possible for the benefit of the local people.

Pig Farming Area (PFA)

Now, I will touch the Pig Farming Area, Tuan Speaker. I would like to thank the State Sarawak Government for allocating 500 acres of land in Sungai Selabi, Selangau for the Pig Farming Area (PFA) which was officiated by Minister of M-FICORD during the earth-breaking ceremony on 7th November 2024. It is expected to be a catalyst for local economic development by creating job, business opportunities for the nearby residents. This project not only provides job opportunities but also open avenues for residents to be involved in supporting industries such as animal feed cultivation, transportation, accommodation facilities for workers.

The government will collaborate with the project developer to train local residents in pig feed production, including cassava cultivation on their own land. This initiative is expected to help residents generate additional income while enhancing their skills in the livestock sector. Therefore, I urge the government and private investors to brief relevant agencies and local people on the detailed implementation and the strategy. Tuan Speaker, now I will touch about the education facility in Selangau.

Timbalan Speaker: Yang Berhormat, you may... *(Interruption)*...

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: Ya... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Terus gulung... *(Interruption)*...

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: Alright.

Education

The upgrading of the dilapidated school, SK Sungai Buloh Selangau as a part of Corporate Social Responsibility (CSR) by contractor under the Pan Borneo Highway where the groundbreaking ceremony done in October 2018. However, up to date, there is no progress at all. Therefore, I would like to know what the status of the CSR project to the school. Number two, I also would like to know the status of the two schools which has been approved to relocate due to flood prone, namely SK Ng. Selangau and SK Ng. Kua okay.

Bus Service from Sibu to Selangau

Tuan Speaker, in the past, there are bus services that frequent from Sibu to Selangau. This benefits the rural folks who do not have their own transport. However, the bus service from Sibu to Selangau have been stopped. I urge that this bus service from Sibu to Selangau to be restored.

Appointment of Longhouse Chief

Tuan Speaker, there is about 300 longhouses under the jurisdiction of the Pejabat Daerah Selangau. So far, about 275 longhouse chiefs have official appointed from the Resident Office. The 25 longhouses are without an appointment letter as a house chief. The official appointment letter from the Resident Office is very important for the longhouse chief to carry out their duties. Therefore, I request for the official appointment letter to be issued to those longhouses without an official letter as the longhouse chief.

Conclusion

Tuan Speaker, before I end my speech, I wish everyone celebrating Christmas and a blessed New Year. With that, I wish to express my full support for the Supply (2025) Bill, 2024 which was presented by the YAB Premier Sarawak on 11th November 2024. Thank you

Timbalan Speaker: Thank you, Ahli Yang Berhormat bagi Tamin. Next is, Ahli Yang Berhormat bagi Engkilili.

YB Encik Johnichal Rayong anak Ngipa: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberikan izin kepada saya untuk berbahas berkenaan Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong pada 11 November 2024 yang lepas.

Tuan Speaker, kita amatlah menzahirkan rasa kesyukuran kepada tuhan kerana negeri kita telah dianugerahkan kemakmuran dan kesejahteraan yang berpanjangan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg di atas kebijaksanaan, komitmen dan kepimpinan yang cemerlang beliau serta barisan Kabinet Sarawak kita yang berpandangan jauh yang telah berjaya meningkatkan pendapatan kepada Sarawak.

Kepimpinan Yang Amat Berhormat telah berjaya membentangkan Bajet 2025 RM15.8 bilion yang merupakan bajet yang terbesar dalam sejarah bajet Sarawak bertemakan, *“Bersama Membangun Masa Depan Yang Makmur: People Centric”* yang bakal menguntungkan rakyat

keseluruhannya terutama di kawasan luar bandar yang amat memerlukan peningkatan taraf hidup yang baik dari segi infrastruktur, ekonomi, sosial, kesihatan, pendidikan dan sebagainya.

Saya juga bersetuju dengan rakan saya, Yang Berhormat bagi Daro bahawa Yang Amat Berhormat Premier yang berjiwa besar, mempunyai visi yang berpandangan jauh, mengutamakan rakyat dan Sarawak yang merupakan seorang "*Bujang Berani*" dalam memperjuangkan hak-hak Sarawak dalam MA63 yang sememangnya amat menyentuh setiap hati lapisan rakyat Sarawak.

Tuan Speaker, izinkan saya untuk menyentuh beberapa isu dan permohonan serta cadangan yang melibatkan kawasan saya di DUN N.33 Engkilili seperti berikut.

Jalan Raya, Jalan Perhubungan Darat

Saya ingin menarik perhatian sekali lagi berkenaan dengan jalan raya atau jalan perhubungan darat di kawasan-kawasan DUN N.33 Engkilili khasnya di kawasan yang sangat kritikal atau jalan ke kawasan yang sukar untuk dihubungi khasnya di kawasan-kawasan di Ulu Skrang.

Di samping menghubungkan banyak rumah panjang, jalan raya dan jalan perhubungan ini juga adalah jalan perhubungan ke sekolah-sekolah, ke klinik atau ke bandar untuk urusan peribadi atau urusan rasmi ke bank atau ke pejabat-pejabat kerajaan. Jalan-jalan perhubungan tersebut adalah meliputi dari Murad hingga ke Sungai Pinang ke Pincoh, Seberang Entalau, *opposite* Entalau, Lubok Tabau dan Ulu Skrang.

Di samping itu juga, kawasan jalan perhubungan dari simpang Sebeliau yang meliputi Gelong, Berenggang, Simpang Merituh dan seterusnya ke Rumah Liman anak Legan di Nanga Entalau, SK Nanga Entalau, Klinik Kesihatan Nanga Entalau Ulu Skrang, kawasan Seladong, Begantong, Emperan, kawasan Menjau, SK Nanga Menjau Ulu Skrang. Tuan Speaker, kesemua kawasan-kawasan ini *are missing link* yang tiada jalan perhubungan yang baik setakat ini.

Dimajukan juga jalan menuju ke kawasan Belawan, Pelo, Pulau, Rumah Nyandang Ulu Akup di samping kawasan Keranggas dan Tembawai Tumbang yang boleh dihubungi melalui kawasan dari Layar, iaitu Bahagian Betong.

Tuan Speaker, semoga pihak kerajaan atau agensi-agensinya yang bertanggungjawab terhadap perkara ini akan dapat mempertimbangkan permohonan yang dipohonkan ini. Di samping itu juga, mohon jalan yang dicadangkan, iaitu Jalan Basi, Brayun ataupun Sungai Besi to Kuching, Sibu Trunk Road seterusnya menuju ke kawasan Ensurai, SK Basi, kawasan Empelam dan Stuga. Kesemua kawasan ini adalah terletak di sepanjang *along the riverbanks* of Batang Ai Hilir, Engkilili.

Memohon juga untuk menaik taraf Jalan Nanga Skrang, Tisak dan Kaong menuju ke SK Lidong. Di samping itu juga, untuk menaik taraf Jalan SK Tabut menuju ke Jalan Utama Lidong yang telah rosak dan berlubang-lubang. Di samping itu juga, mohon juga menaik taraf jalan kawasan-kawasan Merio, Jalan Geligau Ulu-Geligau Hilir dan SK Empelam dan juga Jalan Titok Hilir dan Hulu-Jalan Bunu Beging yang terletak dalam kawasan San Semanju, DUN Engkilili.

Masalah Banjir

Tuan Speaker, masalah banjir sering berlaku setiap musim hujan atau musim tengkujuh yang telah berlaku pada tiap-tiap tahun khasnya di kawasan Entalon Skrang, Merebong, kawasan Batang Ai Hilir dan kawasan Tabut, Tembong, Kejemut, Tebarong, Tisak dan Kaong. Tuan Speaker, saya sendiri telah turun ke lapangan pada waktu setiap banjir berlaku dan apa yang saya lihat banjir-banjir ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor utamanya ialah tidak terdapatnya sistem perparitan yang baik. Air telah bertakung dan seterusnya mengalir ke kawasan ruai dan dalam rumah mereka dan menyebabkan banjir besar berlaku. Oleh itu, mohon pihak kerajaan untuk membina projek sistem penebatan banjir dengan segeranya di kawasan-kawasan yang telah saya sebutkan tadi bagi mengatasi masalah ini berulang lagi.

Projek ALAF

Tuan Speaker, besarlah hati saya agar pihak kerajaan dan agensi-agensinya supaya dapat menyalurkan bekalan elektrik 24 jam melalui projek ALAF daripada grid elektrik yang sedia ada dari kawasan Rumah Entabaru di DUN Meluan ke kawasan Rumah Rentap, Sungai Paya, Rumah Karim dan Rumah Upok Nanga Menjau dan seterusnya ke SK Nanga Menjau Ulu Skrang di kawasan DUN N.33 Engkilili yang jaraknya dijangka kurang lebih 9 km. Dengan terbinanya projek ini nanti, sudah pasti ianya akan memberikan nafas baru kepada penduduk-penduduk persekitaran.

Stadium Engkilili

Tuan Speaker, sukan amatlah penting untuk masyarakat keseluruhannya khasnya bagi kaum belia dan juga murid-murid sekolah baik untuk kesihatan, perpaduan dan melahirkan modal insan yang cemerlang dalam bidang sukan pada masa hadapan. Bersabit dengan ini, saya ingin memohon kepada pihak kementerian dan pihak agensi yang berkenaan agar pembinaan Stadium Engkilili yang telah diluluskan peruntukannya seperti sekitar tahun 2018 dan juga tapak tanah pembinaan Stadium Engkilili telah diperoleh dan dibayar pampasan telah dibayar oleh kerajaan ketika itu. Memohon stadium ini dapat diteruskan dengan segeranya.

Isu Ketua Kaum Ketua Masyarakat (KMKK)

Tuan Speaker, ingin saya menarik perhatian di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan Mesyuarat Pelantikan Urusan Panel Pemilihan KMKK Bahagian Sri Aman yang berkaitan dengan pelantikan KMKK khasnya bagi kawasan DUN N.33 Engkilili. Saya menyeru agar dan haruslah menjemput, melantik ADUN tempatan, *local* YB, menjadi panel pelantikan untuk DUN N.33 Engkilili dengan merujuk kepada garis panduan rasmi yang sedia ada, iaitu pelantikan urusan panel pemilihan KMKK bahagian kerana ADUN tempatan adalah merupakan *stakeholders* yang mewakili rakyat di kawasan masing-masing.

Tuan Speaker, di samping itu juga saya ingin mencadangkan agar Penghulu Betok anak Tubi, di Skrang Skim Engkilili, dikekalkan pelantikan beliau sebagai penghulu kawasan tersebut, iaitu merupakan juga kampung saya sendiri, Tuan Speaker. Dan beliau masih sihat dan telah menjalankan tugas selama ini dengan cemerlang. Sudah hampir satu tahun kawasan Skim Skrang tiada penghulu dan tiba masanya beliau dilanjutkan perkhidmatan supaya dapat menolong rakyat dan Kerajaan GPS di kawasan-kawasan bidang kuasa beliau.

Saya juga memohon untuk mewujudkan jawatan baharu seorang penghulu Iban bagi kawasan San Semanju dan Sedarat dan juga seorang penghulu Iban yang baharu juga di kawasan Merio dan Engkilili. Kedua-dua kawasan ini merupakan kawasan yang luas di samping ramai penduduk dan banyak rumah panjang yang amat memerlukan perkhidmatan seorang penghulu yang lebih efektif dan berkesan buat rakyat tempatan dan juga kepada Kerajaan GPS.

Tuan Speaker, untuk makluman, bahawa kaum Iban dan Cina telah mempunyai lantikan seorang jawatan pamanca masing-masing bagi Daerah Kecil Engkilili dalam Daerah Lubok Antu, Bahagian Sri Aman. Oleh yang demikian, kaum Melayu tempatan telah memohon untuk mewujudkan satu jawatan pamanca bagi Daerah Kecil Engkilili, untuk kaum mereka.

Oleh itu, sangatlah adil bagi saya memohon kepada pihak kerajaan agar mewujudkan satu jawatan pamanca untuk kaum Melayu bagi menguruskan hal-hal kaum saudara Melayu kita seperti juga kaum-kaum Iban dan Cina dalam konteks *Segulai Sejalai* bagi memupuk semangat perpaduan yang berbilang bangsa, agama dan kebudayaan di kawasan saya, DUN N.33 Engkilili.

Membesarkan Dewan Komuniti Majlis Daerah Lubok Antu, Engkilili

Untuk perhatian, Dewan Majlis Daerah Lubok Antu, Engkilili adalah satu-satunya dewan yang terdapat di Pekan Engkilili yang sering digunakan dengan pelbagai aktiviti rasmi kerajaan dan aktiviti

sosial penduduk tempatan. Dewan Majlis Daerah Lubok Antu, Engkilili ini adalah dalam keadaan yang tidak baik termasuklah di dalam ruangnya, bilik airnya, semasa berucap suara tidak jelas dan lebih banyak mengeluarkan bunyi *echo*. Keadaan ini amatlah tidak sesuai. Oleh itu, saya ingin memohon agar dewan ini dinaik taraf dari segala aspek dengan segera oleh pihak kerajaan.

Bekalan Air Bersih

Tuan Speaker, bekalan air bersih ini amatlah diperlukan terutamanya bagi kawasan-kawasan di luar bandar. Kawasan-kawasan ini adalah meliputi kawasan Batang Ai Hilir, Engkilili, kawasan Sepalau, kawasan Memaloi, kawasan Skrang Hilir, kawasan Kaong dan kawasan Tisak. Semuanya terletak dalam DUN N.33 Engkilili. Di samping itu juga, saya memohon supaya kawasan Sedarat, Memaloi dan Skrang *areas* yang menghadapi masalah tekanan air ataupun *water pressure problem* di kawasan tersebut dapat diatasi terutamanya semasa *peak hours*.

Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) dan Kuarters di Engkilili

Tuan Speaker, untuk makluman, bahawa tidak kurang daripada tujuh buah rumah panjang telah terbakar sejak sepanjang 15 tahun yang lalu di kawasan DUN N.33 Engkilili. Seperti yang saya maklumkan juga bahawa Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan, Kuala Lumpur baru-baru ini telah mengumumkan peruntukan bagi melaksanakan Balai Bomba dan Penyelamat dan kuarters JBPM di kawasan DUN Engkilili Sarawak menerusi Belanjawan Kementerian 2025. Justeru itu, besarlah harapan saya sebagai Wakil Rakyat di DUN N.33 Engkilili supaya pihak Kerajaan Sarawak dan agensi-agensi yang bertanggungjawab akan dapat memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan lancarnya.

Pendidikan

Tuan Speaker, ingin saya memohon untuk penambahbaikan beberapa sekolah yang dalam keadaan daif, bilik darjah, asrama, kuarters guru dan pejabat sekolah terutamanya di SK Lidong, SK Isu Bangat yang di bawah pentadbiran PPD Betong dan SK Nanga Menjau, SK Entalau Ulu Skrang yang di bawah pentadbiran PPD Lubok Antu. Serta juga mencari tempat yang lebih tinggi dan selamat bagi SK Nanga Tebat, Ulu Skrang yang kerap ditenggelami air setiap waktu musim hujan yang lebat. Dipohon juga untuk menaik taraf bangunan bilik darjah SK Skrang Kem dengan bangunan yang moden kerana usianya yang sudah lama, lebih kurang 60 tahun, dan tidak sesuai lagi untuk digunakan.

Sektor Pertanian

Sektor Pertanian ini amatlah dekat di hati saya, Tuan Speaker, kerana majoriti rakyat di DUN N.33 Engkilili adalah terdiri daripada para petani, pekebun dan penternak. Justeru itu, amatlah dialu-alukan sektor ini akan lebih dipergiatkan, baik daripada bantuan subsidi pertanian, bimbingan dan latihan untuk golongan-golongan ini, haruslah dipergiatkan dari semasa ke semasa. Sudah pasti sektor ini akan mempertingkatkan taraf hidup rakyat dari segi pendapatan ekonomi yang akan datang.

Peruntukan RTP / Peruntukan DUN N.33 Engkilili

Tuan Speaker, ingin saya merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier kerana telah mengagihkan peruntukan Projek Khas RTP dan MRP PPRMS bagi rakyat DUN Engkilili bagi tahun 2024, menerusi saya sebagai wakil rakyat di sana. Di samping itu juga, saya bersetuju dengan rakan-rakan wakil rakyat GPS yang lain agar peruntukan berjumlah RTP RM5 juta sekarang dinaikkan kepada jumlah RM10 juta setahun khasnya untuk kawasan-kawasan DUN di luar bandar yang masih ketinggalan bagi terus membangunkan kawasan dengan lebih efektif dan berkesan khasnya dalam pembangunan infrastruktur.

Penutup

Tuan Speaker, sebelum saya mengundur diri, ingin saya memberi ucapan syabas dan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana telah menjalankan tugas dengan baik dan cemerlang di sepanjang persidangan Dewan Undangan Negeri ini. Yang Berhormat Meluan *tadi cun iya, okay ku madah cunkah* sepanjang Dewan Undangan Negeri ini. Saya juga ingin mengucapkan *Merry Christmas, Happy New Year 2025* dan *Gong Xi Fa Choi* kepada masyarakat Cina, kepada semua yang merayakannya, baik dalam Dewan ini atau di mana sahaja kamu berada. Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Okay, Yang Berhormat Engkilili. Ahli-ahli Yang Berhormat, by virtue of Standing Order 9(1), I determine that the Sitting today shall proceed beyond 6.30 p.m. Seterusnya, Honourable Member for Batu Danau.

YB Dato Paulus Palu Gumbang: Terima kasih, Tuan Speaker. Selamat petang, Salam sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur. Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru, dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi N.26 Gedong pada 11 November yang lepas.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak atas penganugerahan Darjah Setia Brunei Yang Amat Berbahagia Darjah Pertama (P.S.N.B) yang membawa gelaran "*Datuk Seri Setia*" bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Brunei Darussalam yang Ke-78 pada 15 Julai yang lalu dan Darjah Tertinggi Negeri Sabah, iaitu Datuk Seri Panglima Darjah Kinabalu (S.P.D.K) yang membawa gelaran "*Datuk Seri Panglima*" bersempena dengan Sambutan Hari Jadi Rasmi Ke-71 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah pada 5 Oktober 2024 yang lepas.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah dianugerahkan darjah kebesaran, bintang dan pingat negeri Sarawak sempena dengan Sambutan Perayaan Hari Lahir Ke-78 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada 12 Oktober 2024. Ahli-ahli yang dimaksudkan ialah Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii, ADUN N.45 Repok yang telah dianugerahkan dengan Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak – Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (P.G.B.K) yang membawa gelaran "*Datuk*"; Yang Berhormat Dato Fazzarudin bin Hj. Abdul Rahman, Ahli DUN N.6 Tupong dan Yang Berhormat Dato Mohd Chee bin Kadir, Ahli DUN N.40 Kabong yang sama-sama dianugerahkan Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Sarawak – Panglima Setia Bintang Sarawak (P.S.B.S) yang membawa gelaran "*Dato*".

Tuan Speaker, my heartiest congratulations to the Yang Amat Berhormat Premier for once again successfully tabling largest ever, rural focused and development biased budget totalling RM15.8 billion an increase of 16% or RM2.2. billion. This budget is indeed a reflection of the State Government's success in its revenue engineering strategies as well as its visionary, far-sightedness and prudent financial management. The 2025 budget with the theme, "*Together Building a Prosperous Future*" where no one will be left behind must be lauded as this is a clear manifestation of the GPS Government sincere and continuous effort in giving every opportunity for all Sarawakians to move forward and improve their quality of life. A big thank you to the State GPS Government for the RM10.9 billion allocation, the biggest in the history of the state for development expenditures out of which RM6.8 billion which is 62% are allotted for rural development initiatives.

Jumlah peningkatan peruntukan yang begitu besar untuk tujuan pembangunan dibandingkan dengan jumlah pada tahun sebelumnya adalah bukti nyata keprihatinan dan kepedulian Kerajaan GPS terhadap masyarakat luar bandar. Saya penuh yakin, peruntukan yang sedemikian jika disalurkan secara berterusan, sudah tentu akan dapat membantu masyarakat luar bandar untuk

mencapai satu tahap pembangunan yang lebih mampan dan memenuhi keperluan asas yang amat diperlukan seperti jalan perhubungan desa, bekalan elektrik dan bekalan air bersih .

Rural Transformation Project (RTP)

Tuan Speaker, I am indeed grateful that an allocation of RM420 million has been included in the 2025 Budget in respect of the Rural Transformation Project (RTP). Tidak dapat dinafikan bahawa peruntukan di bawah program ini telah dapat mempercepatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas yang amat diperlukan di kawasan luar bandar. Dengan adanya peruntukan ini, pelaksanaan projek infrastruktur seperti jalan perhubungan desa, dewan serbaguna, kerja-kerja pemasangan dan pembaikan kepada sistem paip air graviti dan kemudahan sukan seperti gelanggang sepak takraw, futsal dan sebagainya dapat diteruskan.

Namun demikian, dengan kenaikan harga bahan mentah dan upah, didapati bahawa jumlah projek yang dapat dilaksanakan adalah lebih jauh berkurangan dibandingkan sebelumnya. Oleh yang demikian, saya memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan Negeri memberi pertimbangan supaya jumlah peruntukan di bawah program ini dinaikkan setara ataupun bersesuaian dengan kenaikan harga bahan mentah dan kadar upah semasa.

Bekalan Air Bersih

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana sekali lagi telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta di bawah Cadangan Belanjawan 2025 dan RM742 juta lagi di bawah "*Alternative Funding*" untuk diagihkan kepada sembilan *Regional Agencies* termasuk NRDA bagi tujuan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan di kawasan masing-masing.

Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon pelaksanaan dua projek bekalan air yang belum dimasukkan dalam mana-mana program untuk pelaksanaan. Dua projek ini adalah:

- (a) Simpang Sagan / Ulu Lubai yang meliputi empat buah rumah panjang, dua buah sekolah rendah dan sebuah klinik kesihatan; dan
- (b) Simpang Jalan Semena/Kuala Medalam yang meliputi lima buah rumah panjang, sebuah sekolah dan sebuah klinik kesihatan.

Bekalan Elektrik Luar Bandar (ALAF)

Tuan Speaker, as I said before, Batu Danau was among those that had been able to enjoy electricity supply under the SARES programme. However, some of the component installed such as the battery and solar panel has aged and no longer function as it was supposed to be.

I am happy to note that under the 2025 Budget, a sum of RM56 million had been allocated for the continuation of project under 12th Malaysian Plan as well as for the replacement of batteries and other key component of Standalone Solar Systems in remote villages. Dengan adanya peruntukan ini, saya berharap kerja-kerja penggantian terhadap bateri dan komponen lain bagi beberapa perkampungan Penan seperti Long Rayeh, Long Sulong, Kpg. Kartadem dan lain-lain kampung di Ulu Limbang dapat dilaksanakan.

Saya juga berharap sebahagian daripada RM20 juta peruntukan di bawah program ALAF dapat disalurkan bagi pelaksanaan program ini di kawasan Batu Danau kerana saya difahamkan senarai menunggu bagi permohonan penyambungan elektrik di bawah program ini masih lagi panjang.

Lantikan Ketua Kaum / Masyarakat

Tuan Speaker, pada sidang Dewan ini yang lepas, saya telah memohon pertimbangan Kerajaan Negeri supaya satu jawatan Penghulu bagi masyarakat Iban dan satu jawatan Penghulu bagi masyarakat Bisaya diwujudkan untuk kawasan bandar di Limbang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kertas kerja serta permohonan juga telah dimajukan kepada pihak pentadbiran menyatakan alasan-alasan keperluan jawatan ini diwujudkan. Oleh yang demikian, saya sekali lagi memohon supaya perkara ini diberi pertimbangan sewajarnya.

Kawasan Limbang sebagai Hub Pengeluaran Padi

Tuan Speaker, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana mempunyai perancangan yang menyeluruh dalam usaha untuk mencapai 100% “self-sufficiency level” pengeluaran beras bagi menampung keperluan negeri Sarawak.

I am happy to note that Limbang has been included among the areas earmarked for the purpose. Sehubungan itu, sukacita sekiranya Dewan yang mulia ini dapat diberi maklum berhubung kawasan-kawasan sesuai yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan di kawasan Limbang amnya dan Batu Danau khasnya.

Tuan Speaker, I also note that a sum of RM8 million has been allocated towards assisting the Collection, Packaging and Processing Centres (CPPC) / Agrofood Terminal for the creation of an efficient marketing supply chain of agriculture product. Saya mohon apa kiranya sebahagian daripada peruntukan ini digunakan untuk *kick start* CPPC Kubong yang telah siap tetapi sehingga kini belum beroperasi.

Penyukatan Keliling di bawah Seksyen 6 dan Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri

Tuan Speaker, saya juga sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas komitmennya untuk menyelesaikan isu tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) dengan mengadakan kerja-kerja penyukatan di bawah Seksyen 6 dan Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri secara berterusan. Terdapat masih banyak kawasan-kawasan tanah NCR yang belum dibuat penyukatan sungguhpun permohonan telah dibuat kepada pihak Jabatan Tanah dan Survei. Kawasan-kawasan ini termasuk tanah-tanah NCR yang berdekatan atau bersempadanan dengan negara Brunei Darussalam seperti Kpg. Tedungan, Kpg. Bidang dan beberapa kampung lain lagi. Dalam pada itu, saya sekali lagi mohon supaya kerja-kerja penyukatan di bawah Seksyen 6 dan Seksyen 18 di kawasan Batu Danau yang belum terlaksana dijalankan secepat mungkin.

Naik taraf Jalan Jiwa Murni

Tuan Speaker, pada sidang Dewan ini yang lalu, saya telah memohon supaya dua batang jalan yang dilaksanakan di bawah program Projek Jiwa Murni di kawasan N.80 Batu Danau dinaiktaraf. Jalan-jalan ini adalah:

- (a) Fasa 1 – Jalan Rh. Satu, Kuala Medalam (12 km); dan
- (b) Fasa 2 – Jalan dari Kuala Medalam, ke Liang Datu, Meruyu dan Kerangan Ma.

Sukacita saya maklumkan bahawa kerja-kerja naik taraf kini sedang dilaksanakan. Dalam pada itu, saya bagi pihak masyarakat di sepanjang laluan kedua-dua jalan tersebut ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas usaha tersebut. Pada masa yang sama, masih terdapat banyak lagi jalan-jalan yang perlu pembaikan dan naik taraf di kawasan Batu Danau.

Sehubungan itu, saya memohon supaya beberapa batang jalan seperti berikut dinaik taraf. Antaranya adalah:

- (a) Jalan Bawang Ubor (Jln Ulu Tubai) Tanah Merah; dan
- (b) Jalan Simpang Sagan ke Ulu Lubai.

Untuk makluman, Jalan Ulu Tubai ini nanti akan bersambung dengan Jalan Mentawai menuju ke Gunung Buda yang akan disambung pembinaannya tidak lama lagi. Saya juga memohon pembinaan Jalan ke Rumah Jampong, Melaban dan Rumah Lembong, Kpg. Entakong. Pada masa ini, penghuni dari dua buah rumah panjang ini menggunakan bekas jalan balak yang keadaannya tidak begitu selesa terutamanya semasa musim hujan.

Isu Kekurangan Guru di Sarawak

Tuan Speaker, masalah kekurangan guru di Sarawak merupakan isu yang telah wujud dari dulu hingga sekarang bagaikan tiada noktah. Saban tahun, isu ini sentiasa timbul dan bagaikan mimpi ngeri bagi anak kenyalang. Kita akui bahawa pelbagai inisiatif sedang dilakukan dan diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi isu kekurangan guru. Tetapi pada masa sama, rakyat terfikir apakah Kementerian Pendidikan Malaysia benar-benar serius di dalam menangani isu ini?

Ini berikutan tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) secara tiba-tiba membuka pintu untuk permohonan seluruh negara inisiatif Pengambilan Guru Khas Sarawak baru-baru ini, sedangkan asalnya dijanjikan hanya untuk anak negeri Sarawak. Jika ini terus dilakukan, sampai bilakah masalah kekurangan guru di Sarawak akan dapat diselesaikan? Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan Negeri akan mengambil pendirian yang tegas dalam perkara ini.

Difahamkan setakat 30 September 2024, jumlah kekosongan guru di Sarawak adalah seramai 2,229 orang, iaitu 1,106 kekosongan guru sekolah rendah dan 323 kekosongan guru sekolah menengah.

Reintroducing Science Subject at SMK Nanga Medamit

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini iaitu SMK Nanga Medamit adalah satu-satunya sekolah menengah di kawasan DUN Batu Danau. Oleh yang demikian, hampir keseluruhan murid adalah anak-anak dari kawasan luar bandar.

Saya difahamkan bahawa sejak tahun 2016 pembelajaran subjek sains tulen seperti Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan telah diberhentikan. Ketiadaan pengajaran subjek sains tulen ini sudah tentu menjejaskan peluang-peluang anak-anak daripada kawasan ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat matrikulasi dan meneruskan pelajaran di dalam bidang STEM di masa yang akan datang. *By not offering these subjects, the authority concerned is indirectly limiting their career path.*

Oleh yang demikian, saya memohon dan berharap pihak yang berwajib untuk memperkenalkan semula subjek-subjek ini untuk memberi peluang kepada mereka yang ingin mengambil subjek tersebut. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon supaya program *Sarawak Education Enhancement Programme* (SEEP) yang akan diperkenalkan pada tahun 2025 memasukkan SMK Nanga Medamit di dalam program ini.

Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan GPS di atas keprihatinan kepada anak-anak Sarawak yang menuntut di IPTA dan IPTS dengan memberi baucer buku bernilai RM500 seorang berserta *laptop* percuma, dan Bantuan Khas Kewangan dalam bentuk wang saku sebanyak RM1,200 setiap pelajar daripada keluarga berpendapatan per kapita RM1,500 sebulan dan ke bawah. Program ini sudah tentu dapat meringankan beban kewangan ibu bapa dan pelajar yang terlibat.

UNIFOR

Last but not least, Tuan Speaker, I would like to take this opportunity to express our gratitude to the State Government in general and UNIFOR in particular for having financially assisted the people of various Christian denomination in my constituency in the building of chapels and other house of worship since its inception. Some of these places of worship have been completed while there are others in various stages of construction and many more are still waiting for their applications to be approved. I, therefore, hope that the State Government, being a caring and people centric government, would allocate a bigger allocation to reduce the waiting time.

Conclusion

Tuan Speaker, sebelum saya duduk, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pegawai dan staf Dewan Undangan Negeri, dan semua anggota perkhidmatan awam negeri dan persekutuan yang telah bekerja keras bagi menjayakan persidangan kali ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Tuan Speaker kerana telah mengendalikan perjalanan prosiding Dewan yang mulia ini dengan cemerlang dan tidak lupa juga kepada Tuan Speaker.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakan-rakan yang beragama Kristian, *Happy Chinese New Year to our Chinese friends*, Selamat Hari Raya kepada rakan-rakan yang beragama Islam dan selamat menyambut Tahun Baharu 2025 kepada kita semua. Dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Batu Danau. Dalam senarai saya Yang Berhormat Kabong, *will you be the last one to speak today?* Beting Maro, *alright*. Yang Berhormat Kabong.

YB Dato Mohd Chee bin Kadir: Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Sarawakku Sayang, Salam Sarawak Maju Makmur dan Salam Segulai Sejalai. Terima kasih, Tuan Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Sarawak pada 11 November yang lepas.

Tuan Speaker, perbelanjaan Negeri Sarawak 2025 bertemakan "*Bersama Membina Masa Depan Sejahtera*" adalah merupakan belanjawan yang terbesar dalam sejarah di negeri ini. Belanjawan yang telah memperuntukkan sejumlah RM15.8 bilion adalah disifatkan menyeluruh dengan memberi fokus kepada kawasan pendalaman luar bandar yang masih kekurangan dari segi keperluan asas demi untuk memacu pertumbuhan ekonomi Sarawak untuk kesejahteraan dan keseluruhannya.

Pada kesempatan ini, saya dan warga DUN N.40 Kabong merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan barisan kepimpinan GPS di atas kejayaan mencatat pendapatan sebanyak RM12.2 bilion sehingga Oktober 2024 dan dijangka mencapai RM14 bilion bagi tahun 2024.

Kerajaan Sarawak menunjukkan keprihatinan terhadap kesejahteraan rakyat melalui pelbagai langkah dan inisiatif, termasuk pembangunan infrastruktur, program kebajikan sosial, pemerkasaan ekonomi, peningkatan kemudahan kesihatan serta usaha untuk melestarikan alam sekitar dan budaya. Kerajaan Sarawak menunjukkan komitmen tinggi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Belanjawan Sarawak 2025 yang dirangka merentasi lapan teras strategik seperti mentransformasikan dan mempelbagaikan ekonomi Sarawak, meletakkan Sarawak sebagai

destinasi pelaburan utama serta mempromosikan pembangunan PKS termasuk memantapkan bakat dan pendidikan pembangunan.

Belanjawan kali ini turut memperkenalkan Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) yang menyediakan bantuan kewangan antara RM250 hingga RM800 setahun sekali gus memanfaatkan seramai 850 penerima dengan peruntukkan sebanyak RM450 juta. Selain itu, belanjawan menyeluruh sesuai dengan janji dan aspirasi apabila manfaatnya kembali kepada rakyat. Bantuan RM1200 untuk menampung kos sara hidup pelajar IPT antara yang menggembirakan serta memberi kelegaan kepada pelajar dan ibu bapa. Syabas dan tahniah kepada Premier Sarawak, kepimpinan yang bersifat berpandangan jauh, mempertahankan hak-hak Sarawak demi kelangsungan pembangunan dan rakyat di negeri ini.

Masalah Tiga Serangkai

Tuan Speaker, izinkan saya terus menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan rakyat dan kawasan yang saya wakili dan kasihi, iaitu N.40 Kabong.

Masalah tiga serangkai di DUN N.40 Kabong iaitu melibatkan bekalan elektrik, air dan jaringan telekomunikasi. Tiga perkara asas ini sememangnya sentiasa berlaku di kawasan saya sungguh pun seringkali saya usulkan setiap kali Dewan yang mulia ini bersidang. Namun sehingga sekarang, tiga perkara utama asas ini sentiasa berulang. Agensi yang bertanggungjawab berkaitan bekalan air dan elektrik serta telekomunikasi di Daerah Kabong harus bertindak proaktif agar masalah utiliti yang sering berlaku di Kabong tidak terus menjadi rungutan kepada masyarakat di situ apabila masalah tersebut seperti tiada kesudahannya.

Namun sehingga kini tiga perkara utama kemudahan asas ini sememangnya seperti berpisah tiada dan sering menjadi igauan ngeri kepada penduduk yang sepatutnya tiada tanda noktah. Justeru itu, saya minta agensi bertanggungjawab menggunakan pendekatan turun padang serta berterusan memantau pelaksanaan projek bekalan air di kawasan luar bandar. Bukan sahaja bekalan air, saya minta agensi berkaitan seperti bekalan elektrik dan telekomunikasi terus melakukan aktiviti turun padang mereka agar setiap permasalahan yang berlaku dapat diatasi dengan segera.

Tanah Runtuh Tebingan Sungai Seblak

Tuan Speaker, saya sentiasa mengambil maklum terhadap kejadian tanah susur di tebingan Sungai Seblak, Kampung Sungai Benang, Kabong melalui Projek Pemulihan Koridor Sungai Seblak. Saya juga kerap menerima aduan daripada pekebun-pekebun kecil yang terjejas akibat kejadian ini. Sehingga kini projek yang sepatutnya sudah bermula, namun saya telah dimaklumkan projek ini masih lagi dalam peringkat reka bentuk walaupun pihak konsultan telah dilantik pada tahun 2022. Saya berasa amat kecewa kerana sehingga kini tiada sebarang tindakan daripada pihak agensi JPS untuk mengelakkan koridor ini runtuh walaupun seringkali membuat aduan bertulis kepada agensi yang dipertanggungjawabkan.

Pada 30 Oktober yang lepas, lawatan saya seterusnya ke lokasi ini bersama hampir keseluruhan peringkat tertinggi agensi berkenaan menjanjikan kepada saya beberapa perkara yang akan disegerakan antaranya ialah “*creak closure*” akan dilaksanakan untuk jalan-jalan yang telah rosak serta *improvement work* untuk jalan-jalan yang setengah rosak namun sehingga hari ini janji tinggal janji.

Oleh yang demikian, sekali lagi, saya ingin merayu serta menyeru dan memohon tindakan pada kadar segera kepada agensi berkenaan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek berkenaan memandangkan keadaan kini sudah tenat di mana pekebun-pekebun mengalami kerugian besar.

Tuan Speaker,

Projek Bekalan Air Ulu Roban

Perkara ini saya bangkitkan tiap-tiap kali Dewan yang mulia ini bersidang. Walaupun peruntukan sudah diluluskan, namun projek masih belum bermula. Rakyat bertanya, bila lagi dan mereka tidak mahu projek siap dekat nak hari kiamat. Ini adalah projek Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan sepatutnya lebih cekap dalam melaksanakan sesuatu projek dan bukannya melengah-lengahkan pelaksanaannya.

Acute Water System untuk Kabong

Ketika ini, bekalan air ke kawasan pekan Kabong perlu dicatu kerana kemampuan loji rawatan air di Lichok sudah “*under capacity*”. Menteri Utiliti telah memberi jaminan *Acute Water System* akan dibina untuk menyelesaikan masalah bekalan air di Kabong. Saya merayu agar *Acute Water System* dibina dengan kadar yang paling segera agar penderitaan tanpa bekalan air yang stabil dapat dielakkan. Saya ingin mendapat berita baik dari Yang Berhormat Menteri Utiliti dalam penggulungannya nanti.

Tuan Speaker,

Percepatkan Pembinaan Sekolah Kebangsaan Abang Leman, Kabong

Saya minta kerajaan melalui Jabatan Pendidikan serta agensi berkaitan mempercepatkan tindakan selanjutnya ataupun susulan berkaitan pembinaan Sekolah Kebangsaan Abang Leman Kabong. Dalam skop kontrak yang bernilai RM42 juta dan turutan kerja, pihak kontraktor sepatutnya membina 12-unit kuarters guru dalam fasa 1.

Namun, pihak kontraktor yang dilantik masih belum melaksanakan skop berkenaan sehingga sekarang. Bahkan kerja-kerja yang dibuat dalam fasa 1 masih tidak memuaskan. Dapatan yang terus saya terima adalah kurangnya pemantauan daripada agensi terbabit serta pemantauan yang tidak memuaskan. Saya mohon perkara ini diambil perhatian utama.

Lesen Buru Buaya

Tuan Speaker, peningkatan jumlah populasi buaya di Sarawak terutamanya di kawasan DUN N.40 Kabong semakin bertambah di mana ia bakal meningkatkan risiko berlaku konflik antara manusia dengan reptilia berkenaan.

Pertambahan populasi buaya yang semakin membimbangkan penduduk malah memerlukan perhatian agensi berkaitan. Nelayan yang menjadikan sungai sebagai punca rezeki menjadi takut dengan kehadiran buaya itu sekaligus ia menjejaskan pendapatan mereka. Justeru itu, saya memohon agar penduduk terutamanya kepada JKKK diberikan lesen untuk memburu atau menangkap buaya-buaya tersebut.

Tiang Lampu Elektrik dibina di atas Jalan

Tuan Speaker, saya turut menerima aduan daripada penduduk berkaitan tiang lampu elektrik yang terpacak di atas jalan raya oleh pihak SESCO. Aduan tersebut mengatakan pihak SESCO enggan memindahkan tiang elektrik tersebut ke lokasi lain di tepi jalan malah telah mengenakan caj bayaran yang terlalu mahal untuk mengalihkan tiang elektrik tersebut.

Soalan saya, kenapa pihak SESCO meminta bayaran yang terlalu tinggi kepada penduduk kampung semata-mata untuk mengalihkan tiang elektrik yang mereka sendiri bina tersebut? Sedangkan agensi itu seperti semua sedia maklum untungnya berjuta-juta, kenapa tidak mahu

anggap perkara tersebut sebagai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), SESCO? Saya syorkan agar SESCO tidak hanya memikirkan keuntungan sahaja.

Masjid Kampung Sessang

Tuan Speaker, masjid lama telah diisytiharkan tidak selamat dan perlu dibina baharu. Sekarang, masjid lama telah dikosongkan dan warga Kampung Sessang menggunakan Balai Raya Abdul Taib Mahmud sebagai masjid sementara sejak Februari tahun ini. Tapak masjid lama tidak sesuai untuk pembinaan masjid baharu kerana terlalu sempit.

Mohon pihak yang berwajib batalkan cadangan untuk membina masjid baharu di tapak masjid lama yang bakal diroboh. Saya bagi pihak penduduk Kampung Sessang memohon keprihatinan Kerajaan Sarawak memberi peruntukan segera untuk pembinaan masjid baharu.

Wujudkan Jawatan Pemanca

Tuan Speaker, jawatan pemanca perlu diwujudkan di kawasan DUN N.40 Kabong bagi memudahkan urusan penduduk di kawasan berkenaan. Untuk makluman Tuan Speaker, setakat ini DUN Kabong mempunyai seramai tujuh orang Penghulu yang terdiri daripada Penghulu Melayu, Iban dan Cina. Saya difahamkan permohonan telah dibentangkan oleh pejabat Residen Bahagian Betong semasa Mesyuarat Pewujudan Jawatan Baharu Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum pada 21 Februari 2023 bersama pihak dari Unit Pentadbiran yang dipengerusikan Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Sarawak (Pentadbiran).

Selain Pemanca Cina, Pemanca Iban dan Melayu turut dicadangkan semasa mesyuarat tersebut. Namun sehingga kini, mereka belum lagi menerima apa-apa keputusan berkenaan perkara tersebut. Oleh itu, saya memohon agar diwujudkan jawatan Pemanca bagi kaum Melayu dan Iban untuk DUN Kabong serta segera mendapat kelulusan dari Setiausaha Kerajaan Sarawak.

Pejabat Daerah Kabong yang Baharu

Tuan Speaker, Kabong telah dinaik taraf sebagai daerah penuh sejak 2015. Pembinaan pejabat Daerah Kabong baru masih belum bermula walaupun sudah diluluskan. Minta perkara ini diperjelaskan untuk pengetahuan rakyat.

Tanah Perkuburan Islam di Kabong yang hampir penuh

Walaupun sudah diusahakan oleh Lembaga Amanah Kebajikan Islam Kabong (LAKIK) untuk mendapat tapak tambahan berdekatan namun agensi yang dipertanggungjawabkan masih tidak memberi respon yang positif terhadap permohonan LAKIK. Mohon jawapan dalam penggulangan Menteri nanti.

Perkhidmatan Feri Pekan Kabong Kampung Paloh

Saya ingin tahu status perkembangan projek ini. Bilakah ianya akan bermula dan bila dijangka siap?

Jalan Roban - Kabong

Tuan Speaker, dengan terbinanya Pan Borneo Highway, rakyat kini menikmati pengalaman yang menyeronokkan dalam pemanduan mereka. Namun, apabila ingin ke Kabong, seseorang harus memasuki Jalan Roban – Kabong. Maka bermulalah pengalaman yang tidak menyeronokkan lagi sepanjang 35 km kerana terpaksa memandu di atas jalan yang tidak rata kerana kemendapan tanah dan *potholes* yang berada di sana sini di atas jalan, permukaan jalan yang pecah akibat lori-lori berat yang mengangkut muatan seperti tanah. Keadaan jalan Roban – Kabong memerlukan baik

pulih dan penurapan semula dengan kadar segera untuk menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalan tersebut.

*Ancaman Pukat Tunda kepada Nelayan Pesisir Pantai dan
Pengorekan Pasir di Pesisir Pantai Kabong*

Tuan Speaker, nelayan-nelayan di Kabong merupakan nelayan pesisir pantai. Akan tetapi, punca pendapatan mereka makin hari makin berkurangan akibat aktiviti-aktiviti para nelayan pukat tunda yang tidak menghiraukan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perikanan Laut yang mengharamkan pukat tunda di kawasan pesisir pantai.

Saya telah menerima aduan daripada penduduk serta terdapat satu video yang ditularkan di media sosial baru-baru ini di mana penduduk telah meluahkan kebimbangan terhadap aktiviti mengorek pasir di perairan pantai Kabong yang dikhuatiri akan menjejaskan ekosistem kawasan tersebut.

Justeru itu, saya minta kerajaan dan agensi yang bertanggungjawab memantau serta menghentikan kerja-kerja pengorekan pasir yang dilakukan di sepanjang perairan Kabong, di samping... *(Interruption)* bertindak terhadap kapal pukat tunda yang tidak mempunyai permit.

Timbalan Speaker: Gulung.

YB Dato Mohd Chee bin Kadir: Sekejap lagi, Tuan Speaker.

Pindaan Ordinan Perikanan Sarawak 2003

Pengumuman baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah mengenai pindaan Ordinan Perikanan Sarawak yang baharu merupakan berita yang telah lama ditunggu oleh komuniti nelayan lebih-lebih lagi nelayan di Kabong. Maka kita mohon YB Menteri memberi pencerahan untuk makluman rakyat.

Penganjuran Kabong International Kite Festival

Tuan Speaker, kita telah berjaya menganjurkan Kabong *International Kite Festival* 2024 pada bulan Mac tahun ini, di mana 33 negara luar telah turut serta dan kita berterima kasih atas kesudian Yang Amat Berhormat Premier merasmikan majlis penutupan pada 10 Mac yang lalu. Kita begitu menghargai sokongan kuat Yang Amat Berhormat Premier kepada Kabong *International Kite Festival* dan ianya memberi kita semangat untuk meneruskan penganjuran Kabong *International Kite Festival* pada tahun hadapan. Oleh kerana penganjuran Kabong *International Kite Festival* memerlukan perbelanjaan yang tinggi, maka dengan penuh harapan saya mohon agar diberi peruntukan oleh kerajaan (Kementerian Pelancongan) untuk menjayakan *event* yang telah meletakkan Kabong, Sarawak di peta dunia pelancongan.

Tuan Speaker, akhir sekali, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada rakan-rakan yang beragama Kristian pada Disember nanti dan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2025 kepada semua. Sama-samalah kita berdoa agar Belanjawan 2025 ini dirasakan oleh semua lapisan rakyat Sarawak.

Dengan ini, Tuan Speaker, dengan sukacitanya Kabong menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024. Sekian, Wabillahi tauhiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Speaker: Waalaikumussalam. Terima kasih, Yang Berhormat Kabong. Seterusnya, the last speaker, Member for Beting Maro.

YB Tuan Haji Razaili bin Haji Gapor: Terima kasih, Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat petang dan Salam sejahtera. Tahniah dan

syabas kepada Yang Amat Berhormat Premier merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru di atas pembentangan Belanjawan 2025 yang bertema “*Bersama Membangun Masa Depan Yang Makmur*” di dalam Dewan yang mulia ini pada 11^{hb} November 2024 yang lalu.

Tuan Speaker, Belanjawan Sarawak 2025 berjumlah RM15.8 bilion adalah merupakan belanjawan terbesar yang pernah dibentangkan. Bajet 2025 memperuntukkan RM10.9 bilion untuk pembangunan dan RM4.9 bilion untuk perbelanjaan mengurus dijangka akan dapat menjanakan lebih sebanyak RM486 juta sementara hasil anggaran negeri bagi tahun 2025 diunjurkan sebanyak RM14.2 bilion iaitu hasil tertinggi yang pernah diunjurkan. Belanjawan yang berorientasikan pembangunan dan berfokuskan luar bandar ini memperuntukkan 62% atau RM6.8 bilion dari peruntukan pembangunan untuk pembangunan luar bandar dengan keutamaan kerajaan untuk melaksana projek infrastruktur pemangkin dan berimpak tinggi bagi mengurangkan jurang perbezaan pembangunan antara bandar dengan luar bandar.

Bajet 2025 adalah bajet eksklusif dan “*people centric*” memenuhi aspirasi semua peringkat rakyat Sarawak. Bajet ini juga bukan sekadar rancangan fiskal untuk 2025, tetapi ia adalah asas untuk masa depan Sarawak, ke arah mencapai wawasan 2030 Sarawak Maju Makmur dan berpendapatan tinggi.

Pemeriksaan Pendidikan

Tuan Speaker, ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak kerana mengutamakan pendidikan bertaraf dunia untuk anak-anak Sarawak dengan memperkenalkan pusat-pusat pendidikan tinggi seperti Swinburne, Curtin, UTS, i-CATs, CENTEX serta memperkenalkan sekolah-sekolah antarabangsa dari peringkat rendah sehingga peringkat menengah. Yang Amat Berhormat Premier juga telah memperkenalkan pengajaran menggunakan dwibahasa mata pelajaran sains dan matematik dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris sejak tahun 2020. Sarawak bakal mencipta sejarah apabila menjadi negeri pertama di Malaysia yang akan menawarkan pendidikan percuma kepada semua anak Sarawak menjelang 2026.

Di samping itu, dalam Bajet 2025 kerajaan Sarawak memperkenalkan pelbagai bantuan pendidikan untuk meringankan beban kos pendidikan yang meliputi bantuan-bantuan pendidikan awal kanak-kanak, Program SEEP, bantuan komputer percuma, baucar buku, Bantuan Khas *pocket money* RM1,200 untuk setiap pelajar anak Sarawak di universiti dan kolej serta insentif-insentif pembayaran semula pinjaman pendidikan. Kesemua ini akan dapat memberikan keselesaan untuk anak-anak Sarawak bagi meneruskan pendidikan ke peringkat yang tinggi. Kemudahan-kemudahan pendidikan yang disediakan yang bertaraf dunia sudah pasti akan mampu meningkatkan usaha Sarawak untuk menerokai ekonomi baharu berteknologi tinggi dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan rakyat dan Negeri Sarawak.

Isu dan Keperluan Rakyat DUN Beting Maro

Tuan Speaker, izinkan saya untuk mengemukakan beberapa isu kawasan DUN N.29 Beting Maro yang memerlukan perhatian Dewan yang mulia ini. Diharap kementerian, jabatan dan agensi berkaitan dapat mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Memperkasa sektor pertanian

Tuan Speaker, saya menyokong usaha Yang Amat Berhormat Premier melalui Bajet 2025 ini untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan pendekatan berasaskan teknologi bagi meningkatkan keterjaminan makanan dan meletak Sarawak sebagai pengeksport hasil pertanian di masa hadapan. Komitmen Yang Amat Berhormat Premier untuk menjadikan Sarawak sebagai pengeluar utama produk pertanian berkualiti tinggi di peringkat global, seharusnya mendapat sokongan serta perhatian yang lebih daripada rakyat, kementerian (M-FICORD), serta agensi-agensi di bawahnya. Penduduk pesisir seperti Beting Maro, yang bergantung sepenuhnya kepada sektor pertanian, kini berdepan dengan cabaran besar untuk mengembangkan pengeluaran mereka.

Petani-petani luar bandar seperti di Beting Maro memerlukan perhatian khas Kerajaan, terutamanya dalam menyediakan infrastruktur pertanian yang lebih baik, termasuk jalan kebun, sistem pengairan yang cekap, dan saliran yang sistematik untuk mengelakkan pembaziran air masin. Tanpa sokongan infrastruktur yang kukuh, potensi pertanian tidak akan dapat dimaksimumkan.

Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan kerana dalam Bajet 2025 ini telah memperuntukkan RM51.0 juta dari peruntukan RM1 bilion bagi skim infrastruktur padi sehingga tahun 2030, yang merangkumi untuk kajian awal, perolehan tanah, serta penambahbaikan infrastruktur yang diperlukan. Peruntukan ini adalah bukti komitmen kerajaan untuk memastikan sektor pertanian terus berkembang dan dimajukan. Kadar pengeluaran padi di Sarawak masih rendah iaitu sekitar 32% kadar sara diri (SSL) menyebabkan Sarawak mengimport 153,000 metrik tan beras, bernilai RM401 juta pada tahun 2023.

Seiring dengan itu, saya ingin mencadangkan kawasan Tanjung Lilin Beladin atau Kampung Buda seluas 10,000 hektar dibangunkan sebagai taman padi ataupun *Agro-Paddy Park*, sebuah kawasan pertanian moden yang dilengkapi dengan infrastruktur canggih dan disokong dengan R&D yang mantap. Taman padi ini bukan sahaja akan dapat membantu meningkatkan pengeluaran padi, tetapi juga mampu menarik pelabur, memperkenalkan teknologi terkini, dan mempromosikan penggunaan benih berkualiti. Ini sekaligus dapat memberi impak positif kepada ekonomi kawasan luar bandar seperti di Beting Maro, membantu mengurangkan defisit perdagangan negeri, serta meningkatkan lagi kadar sara diri padi kita. Di samping itu, projek ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, meningkatkan pendapatan mereka, dan mengurangkan migrasi luar bandar ke bandar.

Perumahan dan Skim Pembesaran Kampung

Tuan Speaker, saya menyambut baik usaha kerajaan untuk menjaga kesejahteraan rakyat melalui penyediaan rumah mampu milik terutama untuk kumpulan berpendapatan rendah. Sehubungan itu, saya merayu dan mohon Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) melaksana segera Projek Pembinaan Rumah Spektra Permata di tapak Projek Perumahan Rakyat Pusa yang telah dilulus pada tahun 2021.

Saya juga ingin memohon kerajaan dan HDC melaksanakan Projek Rumah Spektra Permata di tanah HDC di RGC Beladin untuk penduduk Beladin dan kawasan sekitarnya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah meluluskan peruntukan untuk pelaksanaan SPK Pusa di dalam Bajet 2025 ini. Diharapkan projek ini dapat dilaksanakan dengan segera yang tentunya merupakan berita baik kepada penduduk Kampung Pusa dan kawasan sekitarnya.

Bagi SPK Batang Maro, SPK Spinang, SPK Beladin, SPK Tambak dan SPK Kalok Fasa 2 yang telah diluluskan, saya mohon agar SPK ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Bagi SPK Semarang dan SPK Kalok, saya mohon kerajaan dapat menyediakan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, parit dan kemudahan utiliti. Saya juga ingin memohon supaya kerajaan dapat membantu peserta-peserta SPK ini untuk membina rumah melalui kemudahan kewangan yang disediakan oleh Mutiara Mortgage.

Pembangunan Daerah Pusa

Tuan Speaker, Daerah Pusa telah diangkat sebagai daerah penuh pada 1 Ogos 2015, iaitu kira-kira sembilan tahun yang lalu dengan matlamat supaya lebih banyak kemudahan infrastruktur dan pelbagai perkhidmatan dapat disediakan. Sehubungan itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli, apakah status semasa pelan Pembangunan Pusat Pentadbiran Daerah Pusa? Saya berharap pelan tersebut dapat diluluskan dengan segera bagi membolehkan pembangunan pusat pentadbiran baharu Daerah Pusa dilaksanakan dengan cara teratur. Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana telah melulus Projek Pembinaan Pejabat

Pentadbiran baharu Daerah Pusa dan berharap kerja pembinaan pusat pentadbiran daerah ini dapat disegerakan.

Penubuhan Majlis Daerah Pusa

Tuan Speaker, saya bagi pihak warga Daerah Pusa ingin memohon supaya kerajaan dapat mewujudkan Majlis Daerah Pusa. Penubuhan Majlis Daerah Pusa akan pasti akan dapat memudahkan penyediaan perkhidmatan kerajaan di samping meningkatkan kemajuan sosioekonomi Daerah Pusa.

Pembinaan Sekolah Rendah Agama Antarabangsa

Saya mencadangkan dan memohon sebuah sekolah rendah agama antarabangsa dibina di RGC Beladin bagi memberi peluang kepada anak-anak masyarakat luar bandar di Daerah Pusa belajar di sekolah antarabangsa aliran agama. Tapak seluas 14 ekar untuk pembinaan sekolah rendah antarabangsa tersebut telah lulus di RGC Beladin.

Diharap kerajaan dapat menyediakan peruntukan dalam RMK-12 ataupun RMK-13 supaya cadangan pembinaan Sekolah Rendah Agama Antarabangsa RGC Beladin dapat dilaksanakan. Dalam masa yang sama, saya ingin mencadangkan supaya sekolah rendah agama antarabangsa ini nanti dapat diangkat sebagai *'feeder school'* kepada Sekolah Menengah Antarabangsa Hikmah Kuching yang dijangka beroperasi pada tahun 2027.

Pemulihan Tebingan dan Tebatan Banjir

Tuan Speaker, kebanyakan kampung di dalam kawasan DUN Beting Maro menghadapi masalah hakisan tebing sungai dan pantai yang mengancam keselamatan nyawa dan harta penduduk. Kerajaan adalah diminta untuk menjalankan kerja pemulihan pantai dan tebingan sungai Kampung Pusa, Kampung Kalok, Kampung Beladin, Kampung Batang Maro, Kampung Semarang dan Kampung Spinang seperti yang telah dilaksanakan di pantai Samarahan dan Sebuyau. Saya juga memohon Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak untuk melaksanakan projek tebatan banjir Kampung Semarang dan Kampung Muton-Undai yang sering dilanda banjir.

Bekalan Air Terawat

Tuan Speaker, Bekalan Air Terawat. Kita semua tahu saban tahun pihak kerajaan telah membelanjakan banyak peruntukan untuk menyediakan infrastruktur bekalan air bersih yang terawat tetapi masih belum mencukupi. Kampung Batang Maro adalah satu-satunya kampung dalam DUN Beting Maro sehingga kini masih belum lagi mendapat bekalan air terawat. Justeru itu, saya bagi pihak penduduk di Kampung Batang Maro, ingin merayu dan memohon supaya kerajaan segera menyiapkan pelaksanaan Projek Pembekalan Air Terawat Kampung Batang Maro.

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas siapnya Projek Loji Rawatan Air *Acute System* di Maludam yang bernilai RM25.4 juta yang kini menyediakan bekalan air bersih kepada kawasan Beladin, Semarang dan Spinang. Bagi mengatasi isu tekanan air yang rendah di kawasan Pusa dan Beladin, saya mohon Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak supaya melaksanakan penggantian paip lama serta membina *high level tank* di Spinang, Beladin dan Pusa dilaksanakan dengan segera.

Kemudahan Infrastruktur Masyarakat Nelayan

Tuan Speaker, terima kasih kepada kerajaan kerana sejak tahun 2010 hingga 2015, kerajaan telah meluluskan peruntukan yang amat besar untuk melaksanakan empat buah projek infrastruktur yang berimpak tinggi untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat nelayan di RGC Beladin.

Empat projek tersebut ialah Kompleks Pendaratan Ikan Beladin, Projek Pembinaan 271-unit Perumahan Nelayan, Projek *Slipway* dan Projek Jeti Tambatan Nelayan di RGC Beladin. Sayang sekali projek-projek ini tergendala, sakit dan masih belum siap ataupun belum beroperasi lagi bagi dimanfaatkan oleh masyarakat nelayan di RGC Beladin walaupun selepas 10 tahun dilaksanakan.

Sehubungan itu, saya mohon kerajaan khususnya Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, LCDA, HDC dan juga LKIM supaya dapat memaklumkan status semasa projek-projek ini. Diharap pelaksanaan projek ini yang telah lama dinantikan oleh masyarakat nelayan di RGC Beladin dan nelayan di sekitarnya dapat disiapkan.

Perhydrate Kesihatan

Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah meluluskan pusat x-ray dan sebuah pusat hemodialisis di Klinik Kesihatan Beladin. Pusat ini apabila siap kelak akan memerlukan kakitangan yang berkelayakan untuk mengendalikan kemudahan tersebut. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipohon untuk menyediakan kakitangan yang diperlukan.

Jalan Raya Penghubung

Tuan Speaker, bagi melengkapkan rangkaian jalan raya dalam kawasan DUN Beting Maro, saya mohon kerajaan dapat menaik taraf jalan penghubung Pusa/ Beting Maro yang kini berada dalam keadaan daif dan rosak. Selain itu, saya juga mencadangkan pembinaan jalan baru menghubungkan Kampung Beladin dengan Kampung Buda dan seterusnya ke Betong. Pelaksanaan rangkaian jalan penghubung antara kampung-kampung ini akan memberikan impak positif, membuka peluang ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di kedua-dua kawasan tersebut.

Kemudahan Telekomunikasi

Tuan Speaker, liputan telekomunikasi dan internet di kawasan Beting Maro masih lagi sangat lemah dan tidak memuaskan. Oleh itu, saya mohon supaya Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak dapat memastikan isu ini diambil perhatian dengan segera.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas, Selamat Menyambut Tahun Baharu 2025, Selamat Menyambut Tahun Baru Cina dan Selamat Hari Raya kepada semua yang akan meraikan. Saya akhiri ucapan saya dengan tiga rangkap pantun.

*TYT tokoh bijak bestari,
YAB Premier pemimpin berwawasan,
Sarawak maju makmur berpendapatan tinggi
Rakyat maju sejahtera capai impian.*

*Buah duku buah langsung,
Bunga melur daunnya layu,
Bajet 2025 impian rakyat,
Kepada YAB Premier terima kasih, thank you.*

*Negeri Sarawak Ibu Pertiwi,
Gunung Santubong hikayat puteri,
Datuk Speaker tegas bijak bestari,
Perbahasan bajet setulus hati.*

Tuan Speaker, dengan ini Beting Maro mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat Beting Maro. Saya tak pandai berpantun tapi cubalah, membalas jugalah.

*Dari Tamin ke Pekan Kabong,
Hari Isnin persidangan bersambung,
Dari Tarat ke Beting Maro ya,
Beristirahatlah di hujung minggu.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, the sitting is now adjourned, and the House shall resume its sitting at 9.00 a.m. on Monday 18th November 2024. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 7.23 malam)